05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMETAAN DAN ANALISIS JENIS PERNIAGAAN SEKITAR KAMPUS UPSI DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

ERAFARIZA BIN SAHAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SYARAT PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (GEOGRAFI) DENGAN KEPUJIAN

JABATAN GEOGRAFI DAN ALAM SEKITAR
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SEMESTER 1 SESI 2010/2011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

17 Oktober 2010

.....
ERAFARIZA BIN SAHAK
D20071030247

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmaanirrahim

"DENGAN NAMA ALLAH S.W.T YANG MAHA PENGASIH DAN PENYAYANG"

Pertama sekali syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNYA dapatlah saya menyiapkan latihan ilmiah Sarjana Muda ini tepat pada waktunya. Walaupun terdapat banyak kekurangan dalam hasil penulisan ini, namun ianya telah banyak memberikan saya lebih pengetahuan dan pengalaman yang amat berguna. Latihan ilmiah ini merupakan sebahagian syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk bergraduat sebagai penerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi) dengan kepujian.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia latihan ilmiah, Dr. Mohd Faris bin Dziauddin yang penuh kesabaran dan tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, komen, galakan, sudi berkorban masa dan tenaga meneliti setiap hasil kerja dalam penulisan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan akan sentiasa dikenang.

Jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga pada ibu tercinta, yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan dan dorongan untuk terus belajar menuntut ilmu sehingga ke peringkat ini. Buat rakan-rakan dan sahabat seperjuangan, jutaan terima kasih seadanya kerana memberikan semangat dan suntikan idea bernas dalam penulisan latihan ilmiah ini. Jutaan terima kasih buat semua.

ERAFARIZA BIN SAHAK

17 Oktober 2010.
Tanjong Malim,
Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMETAAN DAN ANALISIS JENIS PERNIAGAAN SEKITAR KAMPUS UPSI DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)

ABSTRAK

Universiti berperanan penting dalam melahirkan modal insan yang bermutu dan cendikiawan bijak pandai. Peranan universiti juga memberi pengaruh kepada sosio-ekonomi di sekitarnya. Kajian ini berkaitan pemetaan jenis-jenis perniagaan yang wujud sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI), Tanjong Malim, Perak menerusi aplikasi teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Operasi GIS menggunakan *Nearest Features* bagi mengukur jarak yang tepat dari kampus UPSI dengan setiap jenis perniagaan yang terletak dalam lokasi kajian. Faktor permintaan dan penawaran daripada penuntut dan staf UPSI serta penduduk tempatan amnya mempengaruhi letakkan sesuatu jenis perniagaan. Faktor seperti jarak, darjah ketersampaian, masa, kemudahan infrastruktur dan letakkan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI memainkan peranan penting kepada peniaga. Ini memberi kesan terhadap keuntungan setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan di bandar Tanjong Malim dan Bandar Proton yang terletak dalam kawasan kajian. Sekiranya UPSI tidak wujud, maka tidak akan timbul pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan. Kehadiran pelajar yang menuntut di UPSI telah menjana perkembangan ekonomi kepada perniagaan dan penduduk di kawasan Tanjong Malim. Oleh itu, cadangan untuk kajian akan datang diharap meneliti impak terhadap jenis perniagaan yang wujud di sekitar kampus baru di Bandar Proton dan juga di sekitar UPSI yang didiami sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MAPPING AND ANALYSIS TYPES OF BUSINESSES AROUND UPSI CAMPUS BY USING GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEMS (GIS)

ABSTRACT

Universities an important role in producing quality human capital and intellectuals. The role of universities as well as the socio-economic influence on its surroundings. This study is related to mapping the types of businesses around Sultan Abdul Jalil Shah Campus (UPSI), Tanjong Malim, Perak by using Geographic Information Systems (GIS). GIS operations using the Nearest Features for measuring the exact distance from the campus UPSI with all types of businesses located around the study area. Supply and demand factors of the UPSI students and staff and local residents put a type generally affect the business. Factors such as distance, the degree of accessibility, time and place an infrastructure of the campus UPSI businesses an important role to the business. That impact on the profitability of each business activity undertaken in the town of Tanjong Malim and Proton City is located around the study area. If UPSI does not exist, then there will arise a variety of businesses in the surrounding areas to offer goods and services. The presence of students of the UPSI has generated economic growth of the businesses and residents in Tanjong Malim. Therefore, proposals for future research are expected to examine the impact on existing businesses around the new campus in Proton City and now live in the vicinity of UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN i
PENGHARGAAN ii
ABSTRAK iii
ABSTRACT iv
ISI KANDUNGAN v
SENARAI JADUAL viii
SENARAI RAJAH ix
SINGKATAN KATA x

ISI KANDUNGAN

BAB SATU PENDAHULUAN 1

1.0 Pengenalan 1
1.1 Latar Belakang Kajian 3
1.2 Pernyataan Masalah 4
1.3 Persoalan Kajian 5
1.4 Matlamat dan Objektif Kajian 6
1.5 Kepentingan Kajian 7
1.6 Skop dan Batasan Kajian 7
1.7 Organisasi Penulisan Laporan 8

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB DUA KAJIAN LITERATUR 11

2.0 Pengenalan 11
2.1 Definisi dan Konsep 12
2.1.1 Definisi Perniagaan 12
2.1.2 Pengenalan Sistem Maklumat Geografi (GIS) 13
2.1.3 Komponen Sistem Maklumat Geografi (GIS) 15
2.1.4 Konsep Peruncitan 17
2.2 Sejarah Penubuhan UPSI dan Perkaitannya Dengan Premis-Premis Perniagaan Yang Terdapat Di Kawasan Sekitarnya 20
2.3 Model Graviti Reilley dan Model Huff 24
2.4 Sorotan Kajian Lepas 25
2.4.1 Kajian Peranan Universiti Terhadap Perniagaan 25
2.4.2 Pendapat Tokoh-Tokoh Lain & Sorotan Kajian Lepas Mengenai Perniagaan 30
2.5 Kesimpulan 37

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN 38

3.0 Pengenalan 38
3.1 Lokasi Kajian 39
3.2 Kenal Pasti Isu dan Masalah 40
3.3 Keperluan Data dan Kaedah Pengumpulan Data 41
3.3.1 Keperluan Data 41
3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data 41
3.3.3 Penganalisisan Data 43
3.4 Analisis Data 45
3.4.1 Operasi *Centroid* 46
3.4.2 Operasi *Nearest Features* 46
3.4.3 Eksport Data *Nearfeat.avx* Kepada Perisian Microsoft Excel 46
3.5 Kesimpulan 47

BAB EMPAT ANALISIS DAPATAN KAJIAN 48

4.0 Pengenalan 48
4.1 Analisis Jenis Perniagaan Sekitar Kampus Sultan Abdul Jalil Shah 49
4.2 4.2.1 Jenis Perniagaan Sekitar 100 Meter Dari Kampus UPSI 50
4.2.2 Perniagaan Sekitar 101 Hingga 200 Meter Dari Kampus UPSI 55
4.2.3 Perniagaan Sekitar 201 Hingga 600 Meter Dari Kampus UPSI 57
4.2.4 Perniagaan Sekitar 601 Hingga 700 Meter Dari Kampus UPSI 61
4.2.5 Perniagaan Sekitar 801 Hingga 900 Meter Dari Kampus UPSI 63
4.2.6 Perniagaan Sekitar 901 Hingga 1,100 Meter Dari Kampus UPSI 65
4.2.7 Perniagaan Sekitar 1,350 Hingga 1,500 Meter Dari Kampus UPSI 67
4.2.8 Perniagaan Sekitar 1,501 Hingga 1,650 Meter Dari Kampus UPSI 68
4.2.9 Perniagaan Sekitar 2,001 Hingga 2,100 Meter Dari Kampus UPSI 70
4.2.10 Perniagaan Sekitar 2,400 Hingga 2,500 Meter Dari Kampus UPSI 71
4.2.11 Perniagaan Sekitar 2,500 Hingga 3,100 Meter Dari Kampus UPSI 73
4.2.12 Perniagaan Sekitar 6,400 Hingga 6,500 Meter Dari Kampus UPSI 74
4.2.13 Perniagaan Sekitar 6,800 Hingga 7,000 Meter Dari Kampus UPSI 76
4.3 Kesimpulan 78

BAB LIMA CADANGAN DAN KESIMPULAN 79

5.0 Pengenalan 79
5.1 Perbincangan Dapatan Kajian 80
5.2 Kemudahan Yang Disediakan Kepada Perniaga 82
5.2.1 Penyediaan Kemudahan Latihan dan Teknikal 82
5.2.2 Khidmat Nasihat dan Perundingan 83
5.2.3 Pemasaran dan Penyelidikan Pasaran 84
5.3 Cadangan Di Masa Akan Datang 85
5.3.1 Penyediaan Tempat Perniagaan 85

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Penyediaan Kemudahan Infrastruktur 86
5.4 Kesimpulan 86

BIBLIOGRAFI 88

LAMPIRAN

Lampiran A: Nearest Features
Lampiran B: Gambar Foto: Perniagaan Di Bandar Tanjong Malim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
3.1	Guna Tanah Di Tanjong Malim	39
4.1	Jumlah Keseluruhan Perniagaan Sekitar Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	49

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
1.1	Organisasi Penulisan Laporan	10
3.1	Peta Lokasi Kajian di Kawasan Tanjong Malim, Perak	40
3.2	Carta Aliran Metodologi Kajian	44
3.3	Operasi GIS Menggunakan *Nearest Features*	45
3.4	Hasil Paparan Menggunakan *Nearest Features*	47
4.1	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 100 Meter Dari Kampus UPSI	50
4.2	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 101 hingga 200 Meter Dari Kampus UPSI	55
4.3	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 201 hingga 600 Meter Dari Kampus UPSI	57
4.4	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 601 hingga 700 Meter Dari Kampus UPSI	61
4.5	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 801 hingga 900 Meter Dari Kampus UPSI	63
4.6	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 901 hingga 1,100 Meter Dari Kampus UPSI	65
4.7	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 1,350 hingga 1,500 Meter Dari Kampus UPSI	67
4.8	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 1,501 hingga 1,600 Meter Dari Kampus UPSI	68
4.9	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,001 hingga 2,100 Meter Dari Kampus UPSI	70
4.10	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,400 hingga 2,500 Meter Dari Kampus UPSI	71
4.11	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,500 hingga 3,100 Meter Dari Kampus UPSI	73
4.12	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 6,400 hingga 6,500 Meter Dari Kampus UPSI	74
4.13	Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 6,800 hingga 7,000 Meter Dari Kampus UPSI	76

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DAFTAR SINGKATAN KATA

ABM	Alat Bantu Mengajar
CBD	Central Business District
CCD	Central Commercial District
CD-ROM	Compact Disc Read Only Media
CIAST	Pusat Instruktor dan Latihan Kemahiran Lanjutan
CPU	Central Processing Unit
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
GIS	Geographic Information Systems
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KAB	Kolej Aminuddin Baki
KFC	Kentucky Fried Chicken
KPPT	Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan
KZ	Kolej Za'ba
LAN	Local Area Network
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MDTM	Majlis Daerah Tanjong Malim
MEDEC	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
NPC	Perbadanan Daya Produktiviti Negara
RAM	Random Access Memory
SIRIM	Institut Piawai Dan Penyelidikan Industri Malaysia
SITC	Sultan Idris Training College
SMG	Sistem Maklumat Geografi
UiTMPP	Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
WAN	Wide Area Network

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Sejak dua desawarsa yang lalu telah wujud pelbagai jenis universiti sama ada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Secara tradisi universiti adalah sebuah institusi untuk pendidikan tinggi yang merupakan pusat untuk pengajaran dan pembelajaran. Sebuah universiti yang baik haruslah berupaya untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan perkembangan intelek, cintakan ilmu, kebebasan bersuara dan meningkatkan pengumpulan ilmu menerusi pengalaman dan wacana. Universiti kini sudah menyerupai sebuah pasar terbuka untuk pertembungan pelbagai idea, pusat penyelidikan, pusat sukan serta sebuah tempat di mana mahasiswa mampu dalam menyuarakan ketidakpuasan dengan pemerintah.

Peranan universiti terus diperdebatkan oleh pelbagai pihak sehingga kini, namun apa yang nyata peranan universiti telah berubah. Tanpa kita sedari universiti juga telah memainkan peranan serta memberi impak yang positif terhadap pertumbuhan dalam mewujudkan pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya. Menurut Gaither (1994) perniagaan ialah aktiviti yang melibatkan pengguna dan orang ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, sektor perniagaan yang terdapat di sekitar sesebuah universiti juga memerlukan perancangan yang rapi iaitu dengan memahami keperluan pelajar. Ini kerana, menurut Mullin (2004) pasaran perniagaan yang terdapat di sekitar kawasan universiti memerlukan perhatian kepada kehendak dan keperluan para pelajar itu sendiri. Sebabnya, keperluan dan kehendak para pelajar adalah berkaitan dengan sesuatu barangan dan mempunyai harga yang mampu dimiliki. Selain itu, menurut beliau lagi, mereka yang berumur dalam lingkungan 20-an hanya memerlukan kedai yang menjual makanan dan buku. Di samping itu, barangan yang berharga rendah dan berada dalam keadaan baik merupakan ciri penting kepada pengguna. Ini memberi gambaran yang jelas bahawa peluang perniagaan yang wujud di sekitar sesebuah universiti adalah dipengaruhi oleh permintaan yang wujud daripada masyarakat universiti itu sendiri.

Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Labrianidis (1995) di Greece mendapati masyarakat universiti seperti pelajar dan kakitangan telah dikenal pasti sebagai penyumbang terbesar kepada perkembangan aktiviti perniagaan di tiga kawasan iaitu Mytilini, Komotini dan Rethomnon. Keadaan ini disebabkan aktiviti perniagaan di tiga kawasan yang dinyatakan menerima permintaan yang tinggi daripada masyarakat universiti terutamanya pelajar. Perbincangan dalam bahagian seterusnya akan menyentuh tentang latar belakang kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditubuhkan pada 1 Mei 1997 melalui Warta Kerajaan P.U.(A) 132 & 133, bertarikh 24 Februari 1997, di bawah dua buah Perintah iaitu Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997. UPSI mula beroperasi pada 2 Mei 1997 dengan pelajarnya seramai 350 orang yang terdiri daripada berbagai etnik. Dengan berbekalkan tenaga pengajar seramai 29 orang dan 6 orang kakitangan pentadbiran, UPSI terus membangun (http://palapes.upsi.edu.my). UPSI terletak di bandar Tanjong Malim lebih kurang 84 kilometer dari Kuala Lumpur melalui Lebuhraya Utara Selatan. UPSI adalah bersempadanan dengan negeri Selangor yang dipisahkan oleh Sungai Bernam manakala bandar Tanjong Malim pula berada dalam daerah Batang Padang di selatan negeri Perak. Pada dasarnya, Tanjong Malim terdiri daripada beberapa penempatan Melayu, Cina dan India. Dari segi bentuk muka buminya, Tanjong Malim adalah merupakan sebuah kawasan tanah bercerun landai dan dikelilingi oleh bukit bukau (Banjaran Titiwangsa) (Majlis Daerah Tanjong Malim, 2010).

Secara fizikalnya, negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 21,000 kilometer persegi. Negeri Perak mengalami cuaca panas dan lembap sepanjang tahun dengan kadar suhu antara 23.7 hingga 33.2 darjah Celcius dengan kelembapan melebihi 82.3 peratus serta menerima hujan sebanyak 3,218.00 milimeter setahun. Hampir separuh daripada keluasan negeri Perak diliputi oleh hutan dan 95.6 peratus adalah hutan khatulistiwa manakala selebihnya iaitu 4.4 peratus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan Hutan Paya Bakau dengan jumlah keseluruhan hutan di negeri Perak adalah 10,713 kilometer persegi (Portal Kerajaan Negeri Perak, 2010).

Negeri Perak mempunyai strategi pembangunan sendiri terhadap setiap kawasannya seperti koridor pembangunan selatan merangkumi daerah Batang Padang dan Hilir Perak. Manakala di bahagian pembangunan koridor selatan ini termasuklah kawasan bandar Tanjong Malim, Slim River, sebahagian Daerah Hulu Bernam, Bidor dan Tapah (Rancangan Tempatan 2020 Batang Padang, 2007). Daerah Batang Padang mempunyai keluasan 2,712.0 kilometer persegi (12.91 peratus) termasuk Tanjong Malim.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Universiti berperanan penting dalam melahirkan generasi yang bermutu dan cendikiawan bijak pandai. Peranan universiti juga memberi pengaruh kepada sosio-ekonomi di sekitarnya. Masalah yang timbul akibat daripada pertambahan jumlah premis-premis perniagaan di kawasan yang berdekatan dengan kampus UPSI dengan wujudnya pertambahan permintaan di kalangan penduduk setempat dan juga pelajar yang menuntut di UPSI. Pelbagai masalah dan isu yang timbul dalam kajian ini iaitu hubungan antara peranan universiti dengan jenis perniagaan di kawasan sekitarnya. Ini kerana terdapat pelbagai jenis perniagaan yang wujud di sekitar kampus UPSI. Masalah ini timbul disebabkan oleh faktor jarak setiap jenis perniagaan dengan kampus UPSI. Selain itu juga, faktor permintaan dan penawaran daripada penuntut dan staf UPSI serta penduduk tempatan amnya mempengaruhi letakkan sesuatu jenis perniagaan. Faktor seperti jarak,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

darjah ketersampaian, masa, kemudahan infrastruktur dan letakkan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI memainkan peranan penting kepada peniaga. Ini kerana jarak yang semakin meningkat dari kampus UPSI menunjukkan semakin berkurangnya premis-premis perniagaan, malah jarak yang dekat dan berhampiran dengan kampus pula menunjukkan banyak jenis perniagaan serta permintaan yang tinggi.

Oleh itu, sekiranya UPSI tidak wujud, maka tidak akan timbul pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan. Kehadiran pelajar yang menuntut di UPSI telah menjana perkembangan ekonomi kepada perniagaan dan penduduk di kawasan Tanjong Malim. Selain itu, masalah untuk mendapatkan data yang sesuai bagi proses pemetaan jenis-jenis perniagaan di sekitar kampus UPSI. Masalah ini timbul semasa mengaplikasikan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam proses pemetaan jenis-jenis perniagaan di sekitar kampus UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan isu yang diperkatakan di atas, persoalan yang hendak dikaji dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan jumlah jenis-jenis perniagaan yang beroperasi di kawasan kajian disamping melihat faktor-faktor yang mendorong kepada taburan kepadatan jenis-jenis perniagaan yang ada di sekitar kampus UPSI. Disamping itu juga, persoalan yang timbul adalah kesan persaingan terhadap pelbagai jenis perniagaan kepada peniaga itu sendiri. Antara persoalan kajian adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Apakah jenis perniagaan yang wujud sekitar kampus UPSI?

ii. Adakah jenis-jenis perniagaan ini berubah apabila jaraknya semakin meningkat dari kampus UPSI?

iii. Apakah aplikasi yang sesuai digunakan dalam proses pemetaan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI?

1.4 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat

Kajian ini bermatlamat untuk memetakan jenis-jenis perniagaan yang boleh didapati sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI) menerusi aplikasi teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini mempunyai beberapa objektif dan ia adalah seperti berikut;

Objektif

i. Untuk mendapatkan data yang sesuai bagi proses pemetaan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.

ii. Untuk mengenal pasti peranan universiti dalam menentukan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.

iii. Untuk mengaplikasikan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam proses pemetaan jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, terdapat banyak kepentingan sama ada kepentingan terhadap individu mahupun kepada terhadap institusi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam sektor perniagaan ini. Antara kepentingan kajian ini ialah :

i. Hasil kajian ini mampu dijadikan rujukan oleh institusi berkaitan sebagai panduan untuk menjalankan kajian pada masa akan datang.

ii. Dapat membantu pengkaji memahami peranan universiti yang mampu mempengaruhi kegiatan aktiviti perniagaan di sesebuah kawasan.

iii. Hasil kajian ini juga dapat memberi sedikit sebanyak kefahaman yang lebih jelas terhadap komuniti setempat mengenai faedah dan kesan yang timbul melalui aktiviti perniagaan di kawasan mereka.

iv. Hasil kajian ini juga dapat memberi sedikit sebanyak maklumat kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan transformasi dapat dilakukan untuk meningkatkan struktur sosio-ekonomi dan pembangunan petempatan di kawasan terbabit terutama dalam aktiviti perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kawasan kajian yang terlibat adalah sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah iaitu melibatkan kawasan perniagaan di bandar Tanjong Malim, Taman Universiti, Taman Bernam, Bandar Proton, Malim Prima dan taman-taman perumahan di sekitar Tanjong Malim, Perak. Kawasan ini dipilih kerana ia merupakan kawasan pertempatan penduduk dan giat menjalankan pelbagai jenis aktiviti perniagaan kerana merupakan kawasan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sedang membangun dan maju berkembang dari segi prasarana perniagaannya di sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada jenis-jenis perniagaan di sekitar kampus UPSI dengan menggunakan aplikasi GIS. Disamping itu juga, melihat faktor-faktor dan kesan-kesan daripada jumlah setiap jenis perniagaan yang dipengaruhi oleh kedudukannya yang hampir dengan kampus UPSI. Kajian ini lebih menumpukan kepada data-data yang diperoleh melalui tinjauan dan pencerapan daripada kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji.

1.7 ORGANISASI PENULISAN LAPORAN

Organisasi penulisan laporan menjelaskan sedikit sebanyak tentang perkara yang berkaitan bab-bab yang akan dikemukakan oleh pengkaji. Organisasi penulisan laporan ini adalah dibuat mengikut susunan dan urutan bab-bab tertentu. Organisasi penulisan laporan ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Pengkaji telah mengorganisasikan penulisan laporan ini kepada lima bab yang utama iaitu terdiri daripada pengenalan, ulasan literatur, metodologi kajian, dapatan kajian dan bab yang terakhir ialah cadangan dan kesimpulan kajian. Kelima-lima bab ini mempunyai sub-sub tajuk dibawahnya.

Bab pertama mengandungi subtopik pengenalan, pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian serta organisasi laporan. Kesemua item-item ini menerangkan mengenai latar belakang kajian secara keseluruhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serta menjelaskan mengapa kajian ini dilakukan dan apakah kepentingannya kepada pembaca.

Bab dua lebih menekankan mengenai definisi dan konsep, kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana dan juga cendekiawan bijak pandai dalam menghuraikan kandungan yang berkaitan dengan perniagaan dan sistem maklumat geografi (GIS). Melalui kaedah ini penyelidik akan dapat memperbaiki mutu kajian yang ingin dihasilkan berpandukan kelemahan-kelemahan kajian lepas. Justeru, isi kajian yang dihasilkan akan menjadi lebih mantap dan akademik.


Seterusnya, bab tiga pula menjelaskan tentang metodologi kajian. Dalam bab ini merangkumi beberapa subtopik yang signifikan sifatnya, antaranya adalah pengenalan, lokasi kajian, keperluan data dan kaedah pengumpulan data, teknik analisis data dan maklumat, aliran metodologi kajian, operasi GIS menggunakan *nearest fearture* dan seterusnya adalah kesimpulan bagi bab ini.

Manakala dalam bab empat menjelaskan mengenai dapatan kajian dan analisis data bagi menjawab objektif kajian. Analisis dijalankan bagi mengetahui faktor dan kesan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI yang memainkan peranan penting kepada peniaga dan ini memberi kesan terhadap keuntungan setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan kajian.

Akhir sekali bab lima menerangkan berkaitan perbincangan dan kesimpulan hasil dapatan kajian yang dijalankan. Membuat rumusan keseluruhan kajian dan cadangan untuk kajian akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1: Organisasi Penulisan Laporan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan sejarah pemetaan berkomputer dan penggunaannya dengan Sistem Maklumat Geografi (SMG) atau *Geographic Information Systems* (GIS). Pemetaan merupakan proses pengukuran, perhitungan dan penggambaran permukaan bumi dengan menggunakan cara atau kaedah tertentu dalam menghasilkan peta. Dalam kajian ini, pemetaan dilakukan menggunakan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS). Terdapat beberapa komponen GIS yang telah digunakan bagi menyiapkan proses pemetaan jenis perniagaan di Tanjong Malim. Pemetaan menggunakan aplikasi GIS telah pun digunakan oleh banyak negara dengan menggunakan perisian yang berbeza bergantung kepada kemajuan teknologi sesebuah negara di mana perisian yang digunakan adalah yang semakin canggih, cepat dan berkualiti penghasilannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 DEFINISI DAN KONSEP

2.1.1 Definisi Perniagaan

Kamus dewan edisi ketiga (2000) telah mendefinisikan perniaga sebagai orang yang berniaga dan berdagang. Perniagaan pula telah didefinisikan sebagai perihal berniaga atau perdagangan. Kebiasaannya, kebanyakan orang menyatakan perniagaan adalah berkaitan dengan jual beli barang atau perkhidmatan serta produk atau barangan khususnya kepada pengguna. Tetapi jika ditinjau secara lebih mendalam lagi sebenarnya ianya adalah lebih daripada itu dan melibatkan pelbagai pihak lagi. Seterusnya, proses perniagaan melibatkan peringkat-peringkat yang perlu diikuti dalam menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Peringkat-peringkat tersebut dikenali sebagai proses perniagaan. Aktiviti-aktiviti utama yang terdapat dalam proses perniagaan ialah proses untuk mendapatkan bahan mentah atau input, proses menukar bahan mentah kepada barang siap yang dipanggil sebagai proses pengeluaran dan akhir sekali merupakan penghasilan barangan akhir.

Tambahan lagi, aktiviti perniagaan ini juga wujud adalah kerana terdapatnya permintaan dan penawaran terhadap barang-barang dan keperluan oleh masyarakat dengan tujuan untuk memperolehi keuntungan. Perniagaan juga boleh terbahagi kepada dua jenis iaitu perniagaan antarabangsa dan perniagaan dalam negeri di mana perniagaan antarabangsa adalah perniagaan yang melibatkan urusan import dan eksport manakala perniagaan dalam negeri pula adalah melibatkan aktiviti perniagaaan runcit mahupun perniagaan borong (Jones, 2007: 2). Begitu juga dengan aktiviti perniagaan yang berlaku di sekitar kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris di mana aktiviti perniagaan yang ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah terdiri daripada jenis-jenis perniagaan yang berasaskan kedai runcit atau kedai serbaneka, kedai makan, kedai alat tulis, kedai aksesori, kedai pakaian, kedai dobi, kedai komputer dan sebagainya.

Perniagaan ialah semua organisasi atau entiti yang diwujudkan bagi menawarkan barangan ataupun perkhidmatan kepada orang ramai dengan tujuan mendapat keuntungan. Ia mungkin besar seperti Syarikat Proton, Maybank dan Syarikat Telekom Malaysia. Kedai-kedai runcit, bengkel-bengkel kereta dan warung-warung di tepi jalan adalah entiti perniagaan juga tetapi ia entiti berskala kecil (Zarif *et al.*, 2003: 3). Manakala, Burstiner (1986) mengatakan perniagaan adalah pengurusan aktiviti jualan barangan dan perkhidmatan kepada orang ramai. Aktiviti jualan melibatkan barangan atau perkhidmatan yang diperlukan oleh orang ramai. Perniagaan juga boleh diusahakan oleh individu atau syarikat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.2 Pengenalan Sistem Maklumat Geografi (GIS).

Menurut Nasir (2006) Sistem Maklumat Geografi atau dikenali sebagai *Geographic Information Systems* (GIS) dapat didefinisikan sebagai satu sistem maklumat yang berkeupayaan untuk menyimpan, mendapatkan semula, mengurus, mengolah, menganalisis dan memaparkan semula data bukan ruangan *(non-spatial)* serta data yang berujukan ruang *(spatial)*. GIS juga ditakrifkan sebagai himpunan teknologi yang berkemampuan mengutip, menyimpan dan menganalisis data melalui model yang dikehendaki dan teknologi tersebut terdiri daripada perkakasan komputer yang membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti pengimbas, pendigit dan pencetak serta beberapa perisian GIS seperti ArcGIS, ArcInfo, ArcView dan MapInfo. GIS merupakan satu teknologi terkini yang berasaskan komputer yang digunakan untuk memproses data-data geografi bagi mendapatkan maklumat dan pemetaan secara digital. Selain itu, ia juga dapat menganalisis sesuatu fenomena yang terdapat di atas permukaan bumi. Umumnya, GIS lebih tertumpu kepada satu sistem yang mengandungi tiga elemen utama iaitu perkakasan, perisian dan prosedur yang direkabentuk untuk menyokong dan menyelesaikan masalah.

Walau bagaimanapun, GIS terbahagi kepada empat subsistem yang utama iaitu data, penyimpanan data, proses dan output. Menurut Malczewski (1999) GIS adalah sebuah sistem maklumat yang direkabentuk dalam mengendalikan data berkaitan dengan ruangan dan koordinat geografi. Dengan kata lain, GIS ialah kedua-duanya sebagai sistem pengkalan data dengan keupayaan mengendalikan data rujukan ruangan dan sebagai satu set operasi dalam mengendalikan data-data. Menurut Duecker (1979) pula, GIS adalah sebagai satu kes sistem maklumat khas yang mana pangkalan data mengandungi pengamatan tentang sifat (*features*) aktiviti dan kejadian (*events*) yang bertaburan mengikut ruang yang didefinisikan dalam ruang sebagai titik, garisan atau kawasan. Sistem maklumat geografi mengolah data tentang titik, garisan dan kawasan ini untuk mendapatkan semula data untuk pertanyaan dan analisis secara '*ad hoc*'.

Sementara itu, Ruslan dan Noresah (1998) berhujah Sistem Maklumat Geografi telah dibangunkan dan merupakan sistem maklumat yang berkeupayaan untuk memasukkan, mengurus, mengolah, menganalisis dan memaparkan data yang berkaitan dengan geografi atau ruangan secara lengkap. Sesungguhnya, pangkalan data sama ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data ruangan atau data bukan ruangan merupakan nadi kepada GIS kerana tanpa data GIS ini ianya tidak berguna. Oleh itu, data yang ada pada pangkalan data mesti kemas kini, bersih dan tepat. Aronof (1989) mendefinisikan Sistem Maklumat Geografi (GIS) sebagai *'any manual or computer based set of procedure'* yang digunakan untuk menyimpan dan mengolah data-data yang mempunyai rujukan geografi. Seperti sistem maklumat yang lain, fungsinya adalah untuk meningkatkan keupayaan pengguna membuat keputusan dalam bidang-bidang penyelidikan, perancangan dan pengurusan. la melibatkan rantaian langkah-langkah dari pemerhatian dan pengumpulan maklumat, menganalisis dan menghasilkan maklumat yang berguna untuk proses keputusan perancangan.

Tambahan lagi, data bagi sistem maklumat geografi atau lebih dikenali sebagai data ruangan. Taher (2007) menyatakan bahawa data ruang adalah data tentang dunia sebenar. Kita boleh lihat bahawa dunia terdiri daripada bangunan-bangunan, lebuh raya, tasik-tasik, hutan, bukit-bukit dan sebagainya. Data ruang adalah data tentang objek-objek yang terdapat di atas dunia ini. Data tentang objek dunia sebenar boleh diklasifikasikan kepada tiga komponen iaitu lokasi objek sebenar dikenali komponen ruang, karektor objek, dikenali komponen atribut dan hubungan ruang antara objek dikenali sebagai komponen topologi.

2.1.3 Komponen Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Komponen GIS dibahagikan kepada lima bahagian yang penting iaitu perkakasan, perisian, data, tenaga manusia dan metodologi atau kaedah yang digunakan. Perkakasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah keperluan teknologi komputer sendiri seperti *monitor, central processing unit (CPU) random access memory (RAM) compact disc read only media (CD-ROM)* atau komponen pembantu lain seperti *internet*, pencetak, *local area network (LAN) wide area network (WAN)* dan pengimbas (Nasir, 2007). Dengan adanya teknologi perkakasan ini, ia memudahkan dan mempercepatkan lagi proses penggunaan GIS dalam pemprosesan kemasukan data dengan penggunakan alat pengimbas, menyimpan data serta maklumat GIS menggunakan komputer dan pencetak untuk mempersembahkan hasil seperti peta daripada proses GIS yang dibuat. Menurut Nasir (2006) GIS ditakrifkan sebagai himpunan teknologi yang berkemampuan dalam mengutip, menyimpan dan menganalisis data melalui model yang dikehendaki. Interaksi data ruangan dan data bukan ruangan dibuat untuk mewujudkan fenomena perancangan yang lebih baik. Teknologi terdiri daripada perkakasan komputer dan perkakasan yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Ruslan dan Noresah (1998) mengklasifikasikan komponen GIS terdiri daripada data dan teknologi dan disokong oleh satu gabungan perisian dan perkakasan serta pelbagai tatacara atau prosedur yang berkaitan. Perisian GIS terdiri daripada empat subsistem (fungsi) utama iaitu perolehan dan input data, pengurusan pangkalan data, pengolahan dan penganalisisan data dan output dan visualisasi data.

i. Perolehan dan Input Data

Menyediakan tatacara bagi mengumpul dan memproses data ruangan yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti peta-peta sedia ada, sistem penderiaan jauh, kerja lapangan, jadual-jadual dan data digital sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pengurusan Pangkalan Data

Menyusun, menyimpan dan menguruskan data ruangan dan bukan ruangan supaya data ini dapat digunakan untuk pengolahan, analisis dan pemaparan *(display)* dengan cepat dan mudah.

iii. Pengolahan dan Penganalisisan

Menyediakan operasi-operasi analitik yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ruangan dan pembuatan keputusan. Subsistem ini juga menyediakan saling muka (*interface*) antara sistem maklumat geografi dengan pakej-pakej sistem ic luaran dan lain-lain sistem permodelan ruangan.

iv. Output dan visualisasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyediakan tatacara untuk memapar semua atau sebahagian daripada data asal, atau yang telah diproses samada dalam bentuk peta, jadual, statistik, data digital atau laporan (Mohd Faris dan Ruslan, 2003: 186).

2.1.4 Konsep Peruncitan

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP, 2000) peruncitan bermaksud penjualan barang-barang (biasanya jumlah yang kecil) kepada orang ramai bukan untuk dijual semula. Peruncitan juga dikatakan sebagai peringkat terakhir dalam proses pengedaran iaitu aktiviti perniagaan yang melibatkan penjualan barangan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkhidmatan kepada pengguna untuk kegunaan mereka sendiri, keluarga ataupun isi rumah (Berman dan Evans, 1992). Manakala Ghosh (1994) mendefinisikan peruncitan sebagai syarikat yang menjual barangan dan perkhidmatan bagi kegunaan peribadi atau isi rumah. Mengikut Bolen (1988) peruncitan ialah ringkasan semua aktiviti yang menghasilkan penjualan barangan/perkhidmatan kepada individu, organisasi bagi kegunaan mereka yang terakhir. Beliau juga telah menggariskan empat panduan dalam memberikan takrif peruncitan kepada sesuatu aktiviti perniagaan.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia bagi Perdagangan Jual Borong dan Jual Runcit (1982 dirujuk oleh Abdul Samad, 1989) jualan runcit *(retail)* ditakrifkan sebagai jualan semula barangan tanpa perubahan bentuk barang-barang untuk kegunaan sendiri atau untuk memenuhi kehendak pengguna terakhir. Kebanyakan orang menganggap bahawa istilah perniagaan runcit menggambarkan tentang penjualan barang-barang keperluan dapur dan harian sahaja seperti beras, gula, kicap, garam, susu dan sebagainya. Anggapan ini adalah tidak tepat sama sekali dengan maksud sebenar perniagaan runcit umumnya.

Berry (1967) peruncitan wujud untuk memenuhi kehendak pengguna dengan menyediakan barang-barang dan perkhidmatan pada waktu tertentu dan di tempat yang tertentu. Manakala, hal yang berkaitan dengan pengangkutan, penyimpanan, pelanggan, perbelanjaan, risiko, pengurusan dan pengetahuan tentang pesanan merupakan ciri-ciri yang penting bagi seseorang peniaga runcit. Seterusnya, mengikut Mc. Intrye (1955) menyatakan bahawa peruncitan bermaksud penjualan barang-barang dalam kuantiti yang kecil secara terus kepada pengguna. Perniagaan peruncitan penting dalam sistem pasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini kerana ia amat bertanggungjawab dalam membekalkan barang-barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna untuk penggunaan sendiri dan bukan bertujuan perniagaan.

Scott (1970 dirujuk oleh Malek, 1995) membahagikan aktiviti peruncitan kepada tiga jenis iaitu bentuk bebas yang merupakan kedai runcit sebahagian besar adalah milik persendirian dan ada juga secara perkongsian. Manakala, jenis kedua pula merupakan bentuk pelbagai yang merupakan satu organisasi besar yang dimiliki oleh satu-satu badan dan mempunyai cawangan di beberapa tempat. Jenis ketiga merupakan bentuk koperatif yang merupakan organisasi perniagaan yang terkawal, terurus dan dimiliki oleh pengguna sendiri.

Selain itu, menurut Jaafar (2003) peruncitan adalah satu bahagian yang penting dalam sistem pengedaran yang menghubungkan pengeluar dengan pengguna. Tanpa peruncit, pengguna tidak dapat menikmati sesuatu barangan atau perkhidmatan, manakala pengeluar pula akan menghadapi masalah dalam memasarkan barangan atau perkhidmatan mereka. Dapat dilihat bahawa peruncit adalah golongan terakhir bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan dengan membekalkan barangan dan perkhidmatan pengeluar. Manakala, menurut Osman (1988) peruncitan merupakan perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan dan melibatkan modal yang kecil. Perbezaan antara perakaunan dan servis atau perkhidmatan adalah perniagaan peruncitan mempunyai stok barang niaga. Hal ini dapat direalistik melalui perniagaan buku teks dan stok barang niaganya adalah buku teks. Stok iaitu buku teks mengambil masa yang lebih lama untuk dijual berbanding dengan menggunting rambut seorang pelanggan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(perkhidmatan). Hal ini kerana stok yang disimpan bergantung kepada permintaan pelanggan. Apabila permintaan tinggi, maka stok akan cepat habis dan apabila permintaan kurang maka stok akan lambat habis.

Oleh itu, peruncit seharusnya faham dan peka tentang keperluan dan kehendak pelanggan. Peruncit mesti mampu mengubah polisi, strategi dan jenis barangan berdasarkan kepada kemahuan pelanggan. Sebagai contohnya, kini ramai suri rumah yang bekerja. Oleh itu, peruncit mesti bersedia membuka kedainya sehingga lewat malam atau sekurang-kurangnya sehingga pukul sembilan malam. Peruncit bukan sahaja perlu peka kepada gelagat pelanggan dan pasaran tetapi perlu juga peka terhadap undang-undang kerajaan serta perubahan teknologi dan sosial. Selain itu, peruncitan adalah satu prinsip urus niaga yang melibatkan pertukaran barangan bernilai yang boleh memenuhi keperluan dan kehendak kedua-dua pihak yang berurus niaga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Sejarah Penubuhan UPSI dan Perkaitannya Dengan Premis-Premis Perniagaan Yang Terdapat di Kawasan Sekitarnya

Bandar Tanjong Malim ini bermula daripada sebuah tanjong (kawasan air/tanah yang wujud daripada hakisan sungai) yang sangat luas. Kawasan ini diterokai oleh seorang ulama' yang bernama Tuan Haji Mustafa bin Raja Kemala. Sempena dengan kedudukan tanjong yang sangat luas ini, Tuan List (wakil kerajaan Negeri Selat) dan Raja Itam telah menamakan bandar ini dengan nama Tanjong, manakala perkataan Malim (mu'alim)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah berkaitan dengan penduduk di kawasan Tanjong itu yang sangat rajin beribadat pada ketika itu (http://www.mdtm.gov.my).

Selain bandar Tanjong Malim terdapat beberapa pekan dan pekan-pekan kecil yang berhampiran dengan bandar Tanjong Malim dan termasuk di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM). Semua pekan dan pekan kecil ini terletak dalam lingkungan 30 kilometer dari Tanjong Malim. Di antara bandar ini, Slim River pula sebagai pusat bandar pentadbiran di daerah ini oleh kerana Pejabat Daerah dan Tanah terletak di bandar ini. Di samping itu, hospital juga ditempatkan di bandar ini. Hospital ini dilengkapi dengan rawatan doktor pakar (http://www.mdtm.gov.my).

Pada peringkat awalnya, Pejabat Daerah dan Tanah ini berpusat di Tanjong Malim. Tetapi sejak peristiwa pembunuhan Tuan Codner (Pegawai Daerah) oleh komunis di Simpang Empat, Tanjong Malim, pejabat ini telah dipindahkan ke Slim River. Asal nama Slim River bermula daripada sungainya (Sungai Slim) yang sempit. Berdasarkan keadaan sungai yang sempit ini orang Inggeris telah menamakan bandar ini Slim River yang bermaksud sungai sempit di dalam Bahasa Malaysia (http://www.mdtm.gov.my).

Sejak dari dulu lagi bandar ini lebih dikenali sebagai bandar pendidikan. Bidang pendidikan adalah sinonim dengan bandar ini kerana terdapatnya pusat pengajian tinggi di sini iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang pada awalnya ditubuhkan dengan nama Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1922 yang berjaya melahirkan ramai cendekiawan dan golongan profesional (http://www.mdtm.gov.my). Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah universiti pendidikan pertama di Malaysia setelah ianya dinaiktaraf dan diisytihar sebagai sebuah universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada 1 Mei 1997 melalui Warta Kerajaan P . U. (A) 132 dan 133 yang bertarikh 24 Februari 1997. UPSI dulunya dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris dan penubuhannya bermula dengan cadangan R. O. Winstedt untuk memusatkan maktab-maktab perguruan Melayu (http://www.upsi.edu.my).

Dahulunya, Tanjong Malim merupakan sebuah pekan kecil yang tidak mempunyai ramai penghuni. Namun begitu, setelah penubuhan UPSI ramai migran dari luar datang ke kawasan ini untuk melanjutkan pelajaran dan mencari peluang pekerjaan tambahan dengan pembukaan kilang Proton di Bandar Proton. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pertambahan penduduk yang ketara di kawasan ini khususnya pelajar-pelajar UPSI.

Dengan kedatangan migran ini juga telah menyebabkan banyak kedai-kedai dan premis perniagaan telah dibuka dan hal ini telah memberi peluang kepada penduduk di Tanjong Malim untuk mencari rezeki. Premis perniagaan yang dibuka adalah berasaskan kepada keperluan harian pelajar untuk memudahkan para pelajar mencari bahan dan barang yang diperlukan tanpa perlu ke tempat yang jauh. Oleh yang demikian, kebanyakan para peniaga perlu mengetahui kehendak-kehendak pelanggan di mana kehendak pelanggan merupakan keputusan-keputusan yang telah mereka buat dalam menilai kepentingan barangan terhadap mereka. Pengguna membuat keputusan ini berdasarkan kepada faktor-faktor seperti jarak sebenar mereka akan bergerak untuk mendapatkan barangan, tahap kepentingan barangan tersebut kepada mereka, harga barangan, keperluan tertentu dan cara atau kaedah untuk menarik pelanggan dalam suatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan pasaran melalui pengenalpastian kumpulan-kumpulan yang ada dalam pasaran (Nasir, 2006). Contohnya, kumpulan para pelajar UPSI.

Selain dikenali sebagai bandar pendidikan, Tanjong Malim juga berpotensi untuk menjadi sebuah bandar yang pesat membangun di kawasan selatan Perak. Berasaskan kepada kegiatan ekonomi yang sedia ada dan perancangan industri yang akan dirancangkan seperti industri automobil, perladangan dan perkilangan, Tanjong Malim dijangka bakal menjadi sebuah bandar yang pesat membangun di selatan Perak. Pendapat ini yang mula diperkatakan sejak dahulu lagi telah diperkukuhkan dengan pembinaan kilang kereta nasional (PROTON), di Bandar Proton dan pembangunan kawasan-kawasan perumahan baru, kawasan rekreasi dan lain-lain.

Perniagaan yang menjadi tarikan penduduk di kawasan ini adalah berasaskan kepada makanan dan pakaian. Hal ini kerana, barangan tersebut merupakan barang keperluan harian utama pelajar-pelajar di UPSI. Terdapat juga dalam kalangan pemilik premis yang sanggup membayar sewa yang tinggi semata-mata untuk mencari peluang perniagaan yang berhampiran dengan kawasan sekitar UPSI. Umumnya, mereka berpendapat bahawa perniagaan yang berhampiran dengan kawasan UPSI mampu menarik perhatian para pelajar untuk berkunjung ke premis mereka kerana tidak semua pelajar mempunyai kenderaan. Tambahan lagi, sejak penubuhan UPSI ini, Pekan Tanjong Malim tidak lagi menjadi sebuah pekan sunyi kerana sudah terdapat banyak premis perniagaan di kawasan sekitar yang berhampiran dan bilangan penduduknya juga semakin bertambah dari tahun ke tahun. Boleh dikatakan, setiap premis perniagaan yang terdapat di sekitar Tanjong Malim adalah lebih berpusatkan kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 MODEL GRAVITI REILLEY DAN MODEL HUFF

Secara langsungnya, Model Graviti adalah salah satu model yang digunakan dalam bidang perniagaan untuk menentukan sesuatu lokasi perniagaan. Diketengahkan oleh Reilley (1929) menyatakan pergerakan manusia di antara dua pusat bandar akan berkadar tepat dengan penduduk tetapi berkadar songsang dengan ganda dua jarak antara mereka (Mahindar, 1991). Ia digunakan untuk mencari satu titik persilangan jarak bagi pengguna untuk menyatakan jarak bagi pengguna boleh bergerak ke sesuatu kedai dan juga jarak untuk pengguna ke sesuatu kedai lain. Oleh itu, kewujudan kedai juga secara langsung dipengaruhi oleh jumlah penduduk di sesuatu tempat. Jika jumlah penduduk ramai dan padat sedangkan jarak antara dua kedai juga jauh, menyebabkan kawasan liputan perniagaan satu kedai menjadi besar. Satu kedai terpaksa menampung satu kawasan yang besar kerana tiada persaingan lain dalam jarak yang terdekat. Maka, kos pengangkutan pengguna juga semakin meningkat. Oleh itu, perniaga perlu mengambil peluang di kawasan itu dengan mewujudkan kedai lain dalam kawasan liputan perniagaan kedai tadi untuk menampung permintaan yang tinggi serta membentuk kawasan liputan perniagaannya sendiri (Berman dan Evans, 1997; Hasty dan Reardon, 1997; Bolen, 1988; Ghosh, 1994).

Umumnya, Model Graviti ini ialah sebuah model yang menunjukkan perkaitan antara penduduk dengan aktiviti perniagaan. Ini menunjukkan semakin besar jumlah penduduk sesebuah tempat atau kawasan maka kawasan liputan barangan atau kedai juga akan bertambah (Bolen, 1988).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, Model Huff yang telah diketengahkan oleh David Huff yang mengambil kira faktor saiz perniagaan, jarak masa perjalanan pengguna ke kedai dan jenis barangan yang dikehendaki oleh pengguna. Ia beranggapan yang corak kesanggupan pengguna untuk bergerak bagi mendapatkan barangan melalui kaedah masa dan keluasan kedai bagi setiap barangan yang dikehendaki. Perbandingan antara kedai bagi setiap barangan melalui kaedah masa dan keluasan kedai bagi setiap barangan yang dikehendaki. Perbandingan antara kedai boleh dilakukan melalui jarak masa dan keluasan (Bolen, 1998; Ghosh, 1994).

2.4 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.4.1 Kajian Peranan Universiti Terhadap Perniagaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dibuat oleh Labrianidis (1995) di Greek yang bertajuk *"Establishing Universities as a Policy for Local Economic Impact of Three Provincial Greek Universities"* telah menjelaskan kesan ekonomi secara terus di tiga buah bandar kecil di Greece iaitu Komotini, Mytilini dan Rethimnon yang berhampiran dengan kawasan universiti setelah ianya ditubuhkan. Kajian ini juga dibuat untuk melihat keberkesanan penubuhannya terutama dalam polisi untuk pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi di kawasan kajian lebih tertumpu kepada keperluan para pelajar terutama dari segi akademik. Kegiatan ekonomi yang terdapat di kawasan kajian lebih tertumpu kepada keperluan pelajar universiti di kawasan berkenaan seperti makanan, pakaian, buku, rokok, minuman, keperluan harian dan sebagainya. Kebanyakan mereka yang tinggal di kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan serta membeli barangan keperluan harian adalah pelajar, staf dan pekerja di universiti. Oleh itu, kajian ini telah menunjukkan fungsi sebenar tiga buah bandar kecil yang berada berhampiran dengan kawasan universiti yang tertumpu kepada keperluan harian pelajar. Para pemilik perniagaan yang mengambil kesempatan ini untuk menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan yang berhampiran kawasan universiti adalah satu tindakan yang menguntungkan dan sekaligus telah meningkatkan kemajuan dan pembangunan ekonomi di ketiga-tiga bandar kecil yang berhampiran universiti tersebut. Ini menunjukkan bahawa pemilihan lokasi bagi aktiviti perniagaan adalah penting bagi mendapatkan keuntungan dalam perniagaan.

Impak ekonomi secara langsung pada ekonomi tempatan universiti di Greece. Ini adalah wujudnya masalah yang dalam agenda politik kerana setiap bandar tersebut berusaha keras untuk memujuk kerajaan menubuhkan sebuah universiti di wilayah masing-masing. Kesan ekonomi yang terhad boleh dihubungkan dengan mobiliti dan kualiti ahli akademik dan para mahasiswa. Kos bagi semua pendidikan tinggi dari universiti wilayah adalah amat tinggi berbanding dengan manfaat yang diperolehi di kawasan-kawasan tertentu.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Labrianidis, tahap pengeluaran perbelanjaan para pelajar atau mahasisiwa yang paling tinggi adalah sewa perumahan iaitu sebanyak 27.9%. Ini berkemungkinan kebanyakan pelajarnya tinggal menyewa di luar kampus. Oleh yang demikian, berdasarkan ketiga-tiga jumlah bagi bandar tersebut, tahap pengeluaran perbelanjaan yang paling tinggi ialah kepada sewa perumahan yang tinggi iaitu sebanyak 23.3%. Hal ini menunjukkan bahawa perbelanjaan yang tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terpaksa dibayar untuk sewa rumah yang tinggi termasuklah dari kalangan pelajar dan staf universiti. Ini secara tidak langsung akan memberi impak positif yang baik kepada ekonomi penduduk di kawasan sekitarnya.

Mullin dan Kotval (2004) dalam kajiannya yang bertajuk "*The University as a Contributor to the Local Economy: Key Thoughts for Local Planners*" menjelaskan tentang peranan universiti, maktab dan kolej komuniti dalam ekonomi tempatan. Penubuhan universiti menyebabkan pertumbuhan aktiviti ekonomi dalam pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya. Perniagaan didirikan untuk menyediakan keperluan barangan kepada pelajar seperti pusat farmasi, kedai-kedai buku dan kedai barangan untuk keperluan harian pelajar dan staf yang tinggal berdekatan pusat pengajian tinggi. Pelajar University of Massachusetts (Amherst) membelanjakan kira-kira $ 10.00 setiap hari di kawasan sekitar kampus. Kesannya akan menguntungkan perniagaan di kawasan sekitarnya dan ini seterusnya menimbulkan persaingan antara peniaga-peniaga di kawasan tersebut.

Menurut kajian, harga barangan atau produk yang berhampiran dengan kampus atau universiti lebih mahal sedikit berbanding dengan kedai-kedai yang jauh dari universiti dan ini membuktikan peniaga mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang lebih dengan berniaga di kawasan universiti dengan tanggapan pelajar akan membeli apa juga barangan keperluan tanpa memikirkan soal harga walaupun agak mahal sedikit berbanding dengan tempat yang jarak ketersampaian yang jauh dan mengambil masa. Satu kajian telah dibuat di St. Lawrence University dan mendapati peranan universiti tersebut menyebabkan kedai buku berkembang dan maju sehingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi kedai terbesar di bandar. Pada musim cuti semester pada 15 Disember menyebabkan perniagaan di kawasan sekitar universiti menjadi merosot dan tidak mendapat keuntungan kerana tiada pelajar yang ingin membeli. Oleh itu, ini membuktikan bahawa pelajar juga berkait rapat dalam menentukan sumber pendapatan kepada para peniaga di kawasan sekitarnya.

Selain itu, kewujudan Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang (UiTMPP) semenjak 2003 sehingga kini di Permatang Pauh telah membawa setiap tahun kemasukan pelajar yang bukan berasal daripada Pulau Pinang untuk menimba ilmu. Kehadiran pelajar yang pelbagai latar belakang dan asal usul dari seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah memberi impak ekonomi melalui perbelanjaan harian sepanjang tempoh pengajian mereka. Kajian mengukur impak ekonomi langsung hasil perbelanjaan pelajar terhadap ekonomi setempat telah dijalankan bagi tahun 2007. Pendapatan bulanan yang diperolehi oleh setiap pelajar hasil daripada kajian ini adalah sebanyak RM 576.83 di mana sumber pendapatan ini terdiri daripada wang saku pemberian ibu bapa, pinjaman atau biasiswa pendidikan dan lain-lain sumber. Kedatangan pelajar-pelajar ini telah membawa pendapatan sebanyak RM 25.21 juta setahun kepada negeri Pulau Pinang untuk dibelanjakan.

Secara puratanya, perbelanjaan pelajar dalam kawasan Seberang Perai Tengah ialah RM 350.53 sebulan dan akan menghasilkan pendapatan sebanyak RM 15.3 juta setahun kepada kawasan setempat. Perbelanjaan yang berkaitan dengan keperluan asas seperti pembelian makanan (23.25%), barangan (18.77%), telefon (13.22%) dan penginapan (8.66%) merupakan antara peratusan tertinggi. Perbelanjaan bagi penginapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hanya merekodkan keempat tertinggi kerana hampir separuh iaitu 49.3% daripada responden menginap di asrama yang disediakan tanpa bayaran oleh pihak universiti. Perbelanjaan ke atas kesihatan pula adalah paling rendah (1.08%) kerana pelajar boleh mendapatkan rawatan kesihatan daripada Unit Kesihatan yang turut disediakan tanpa bayaran oleh pihak universiti. Hasil perbelanjaan keseluruhan pelajar UiTMPP selama setahun di Permatang Pauh adalah melebihi sebanyak RM 15 juta setahun. Rumusan kajian ini mendapati terdapat impak ekonomi langsung yang signifikan akibat daripada kehadiran dan perbelanjaan pelajar bukan berasal daripada negeri Pulau Pinang semasa mereka menuntut di UiTMPP.

Selain itu, kajian Hausman (2008) yang bertajuk *"Market Failure, Govermment Failure and the Hard Problems of Cooperation"* memperihalkan mengenai penganalisisan punca berlakunya kegagalan pasaran, kegagalan fungsi kerajaan dan masalah kerjasama. Pasaran adalah berbeza-beza bergantung kepada kerangka undang-undang yang telah menetapkan hak pemilikan dan menentukan kaedah-kaedah serta batas-batas pertukaran.

Menurut Francis Bator (1958 dirujuk oleh Zainal Abidin, 1989) dalam artikel klasiknya iaitu *"The Anatomy of Market Failure"* menjelaskan bahawa pasaran bergantung kepada keinginan dan kemahuan pengguna dalam memerlukan sesuatu barangan atau perkhidmatan. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya kegagalan pasaran ialah berlakunya persaingan, penipuan dan sebagainya. Tambahan lagi, campurtangan kerajaan dalam pasaran juga menyebabkan masalah besar seperti kos pentadbiran, maklumat yang kurang, sewa, ramalan pasaran lain, tidak fleksibel dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wujudnya gejala rasuah. Oleh yang demikian, faktor pasaran adalah salah satu faktor yang penting dalam menjana ekonomi terutamanya dalam bidang persaingan perniagaan.

2.4.2 Pendapat Tokoh-Tokoh Lain & Sorotan Kajian Lepas Mengenai Perniagaan

Aktiviti perniagaan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Kadangkala ia dapat membentuk bagaimana cara manusia hidup, bekerja dan bermain. Perniagaan boleh ditakrifkan sebagai pertukaran barangan atau perkhidmatan dengan wang atau alat pertukaran yang lain bagi tujuan mendapatkan keuntungan atau sebarang bentuk faedah. Ia juga boleh didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti individu atau kumpulan-kumpulan individu sama ada menghasilkan, mengedar, menjual barang niaga atau perkhidmatan untuk memuaskan kehendak pengguna atau pelanggan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek keruangan pula bersangkutan dengan unsur yang berada di ruang tersebut. Contohnya, perniagaan runcit merupakan suatu perkhidmatan yang tidak dapat dipisahkan daripada bidang geografi bandar dan pengangkutan kerana semua ini amat terikat dalam rangkaian yang rapat dan saling berkaitan antara satu sama lain (Berry, 1967). Di bandar dan kawasan berdekatan universiti, aktiviti perdagangan dijalankan dengan meluas dan melibatkan pelbagai pihak serta bidang lain yang bersangkutan.

Pusat utama kegiatan perniagaan di bandar dikenali sebagai *Central Business District (CBD) Downton, Central Commercial District (CCD)* dan lain-lain lagi (David & Walters, 1987). Manakala, menurut Burgess (1985 dirujuk oleh Zainal Abidin, 1989). CBD terletak di tengah kawasan bandar yang merupakan kawasan tertumpunya segala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk kegiatan perdagangan, sosial dan politik. Pusat bagi kawasan ini ialah kawasan perniagaan. Namun, terdapat juga di dalam kawasan ini seperti gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai. Selain itu, terdapat juga kedai-kedai dan bangunan-bangunan pejabat, kelab, hotel, panggung, muzium dan pusat kegiatan kehidupan sosial, sivik dan politik (Proundfoot, 1959). Di luar kawasan CBD ini yang berkembang dalam bentuk konsentrik ialah kegiatan-kegiatan yang lain dan tidak berkembang mengikut kelas-kelas yang tertentu.

Menurut Homer Hoyt (1939 dirujuk oleh Sabri Hj. Hussin, 2005) memasukkan unsur-unsur sewa tanah dan jaringan jalan raya utama dalam menentukan CBD. Akibat sewa tanah yang terlalu tinggi di kawasan pusat bandar menyebabkan akhirnya hanya peniaga-peniaga yang bermodal besar sahaja yang sanggup dan mampu membayar sewanya. CBD tetap di tengah-tengah lokasinya dan dipenuhi oleh kedai-kedai perniagaan dan kegiatan-kegiatan lain akan berpindah ke kawasan-kawasan lain mengikut sektor-sektor yang tertentu. Keadaan ini sama dengan kedudukan kampus universiti yang sama peranannya seperti CBD yang menjadi tumpuan aktiviti perniagaan.

Selain itu, menurut Harns dan Ullman (1945 dirujuk oleh Jaafar, 2003) mengemukakan model *"multiple nuclei"*. Di sini, CBD tidak semestinya di tengah dari segi lokasi dan bukan menjadi pusat tunggal. Hal ini akan menyebabkan akan terdapat beberapa pusat lain yang memainkan peranan tertentu yang membentuk satu-satu bandar itu (Alexender, 1974). Dari segi pola dan aturan kedai-kedai, terdapat beberapa bentuk pola taburan kedai-kedai runcit di dalam kawasan bandar. Menurut Bellet (1969) telah menunjukkan adanya pola bertumpu, linear dan berselerak bagi kedai-kedai runcit dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai jenis aktiviti perniagaan yang lain. Manakala menurut Daries & Ross (1984) dalam kajiannya di Britian, mendapati tiga bentuk utama kegiatan perdagangan berdasarkan kepada bentuk lokasi *"townscape"* iaitu berpusat *(nucleation) "ribbons"* di kawasan berfungsi khusus.

Pemerhatian secara empirikal terhadap pola dan struktur aktiviti perniagaan di bandar-bandar di Chicago, Philadephia, Atlanta, Washington dan New York berasaskan kaitannya dengan penduduk bandar serta struktur dan fungsi bandar. Menurut Proundfoot (1973 dirujuk oleh Sabri, 2005) telah mengenal pasti lima jenis struktur perniagaan iaitu daerah pusat perniagaan bandar (CBD) pusat perniagaan pinggiran, kawasan perniagaan sepanjang jalan utama, kawasan perniagaan kejiranan dan kawasan perniagaan kelompok-kelompok terasing.

Perniagaan merupakan suatu aktiviti ekonomi yang amat penting dalam sesebuah bandar, terutamanya perniagaan runcit. Hal ini kerana, aktiviti runcit merupakan satu fenomena yang dinamik dan sentiasa berubah-ubah mengikut masa dan keadaan. Kuasa-kuasa seperti sistem sosial, politik, budaya dan keadaan ekonomi merupakan pengaruh-pengaruh yang dapat mengubah bentuk-bentuk dan struktur perniagaan runcit dalam sesebuah kawasan (Bellet, 1969). Menurut Scott (1970 dirujuk oleh Abdul Samad, 1989) perbandaran yang pesat di negara-negara yang sedang membangun seperti yang berlaku di Asia Tenggara telah mengakibatkan aspek perniagaan runcit turut mengalami perubahan yang ketara dan antaranya ialah dari segi pola taburan pelbagai jenis perniagaan itu sendiri di sesuatu kawasan. Salah satu aspek yang menarik tentang kegiatan perniagaan di negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Hong Kong dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Singapura adalah fenomena penjaja-penjaja jalanan yang banyak didapati di negara-negara terbabit (Yeung, 1977).

Di Malaysia pula, terdapat banyak aktiviti perniagaan sama ada yang dijalankan secara kecil-kecilan atau secara besar-besaran. Di Malaysia, perniagaan kecil dianggarkan membentuk sejumlah lebih 75 peratus daripada bilangan keseluruhan pertumbuhan perniagaan (Moha Asri *et al.*, 2000). Namun begitu, apa yang lebih penting ialah peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh perniagaan kecil dalam keseluruhan pembangunan ekonomi negara. Peniaga terlibat dalam penjualan pelbagai jenis barangan seperti pakaian, barang kemas, barang keperluan harian, automobil dan lain-lain lagi. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa pelbagai jenis kegiatan perniagaan merupakan suatu spesifikasi yang amat penting dalam kemajuan sesebuah bandar. Manakala pembangunan sesebuah bandar pula akan mempengaruhi perkembangan perniagaan itu. Keadaan ini juga sama seperti pengaruh kedudukan universiti dalam kegiatan pelbagai jenis perniagaan sekitar kampus.

Proundfoot (1959) mengklasifikasikan kawasan perniagaan bandar Chicago berdasarkan bentuk dan fungsi perniagaan. Beliau mengklasifikasikan saiz, bentuk dan kedudukan sempadan kawasan perniagaan berdasarkan fungsi dan jenis-jenis barang yang dijual di bandar tersebut. Hasilnya, di kawasan bandar, sesuatu jenis barangan akan dijual dalam sebuah kedai yang khusus bagi satu jenis barangan sahaja. Contohnya, baju hanya dijual di kedai pakaian sahaja. Bagi kedai-kedai yang terletak jauh dari kawasan pusat bandar pula, biasanya sesebuah kedai akan menjual beberapa jenis barangan dan tidak lagi mengkhusus kepada sesuatu jenis barang sahaja seperti yang terdapat di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan pusat bandar. Begitu juga di kawasan universiti, di mana perniagaan akan lebih berfokus kepada keperluan pelajar.

Foward (1957 dirujuk oleh Osman, 1988) dalam kajiannya di bandar St. John, New Foundland mendapati bahawa terdapat pengkhususan jenis perniagaan pada satu-satu tempat tertentu. Beliau mendapati sebanyak 24 buah kedai ubat terletak pada satu kawasan yang sama, manakala kedai makanan dan minuman pula terletak pada satu jalan sahaja iaitu di Water Street. Senario ini wujud kerana ia mempunyai kaitan dengan konsentrasi penduduk di kawasan tersebut. Foward juga mendapati bahawa kedai-kedai yang menjual barang-barang keperluan harian *(Grocery)* di bandar St. John terletak di kawasan yang menjadi tumpuan penduduk. Dengan itu, satu klasifikasi bagi pusat membeli-belah yang lebih komprehensif telah dibuat oleh Berry (1967) berdasarkan kajian beliau di Chicago. Beliau telah menghuraikan hal ini berdasarkan kepada satu skema teori sebagai perbandingannya. Tiga skema klasifikasi tersebut ialah daerah pusat, kawasan perniagaan berbentuk "*ribbon*" dan kawasan perniagaan daerah pengkhususan. Bagi Berry, perbezaan ketiga-tiga bentuk itu adalah dari segi kesampaian relative pengguna. Setiap jenis perniagaan ini menyediakan keperluan yang khusus kepada pengguna.

Scott (1958 dirujuk oleh Malek, 1995) membahagikan jenis perniagaan yang terdapat di kawasan luar bandar Australia kepada dua kumpulan yang berasaskan kepada lokasi dan taburannya iaitu zon runcit dalaman *(Inner Retail Zone)* dan zon runcit luaran *(Outer Retail Zone)*. Zon runcit dalaman merupakan zon perniagaan yang berbentuk pengkhususan dan menjual barang-barang keperluan persendirian atau personal yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan lokasi yang tertentu. Manakala zon peniagaan luaran pula adalah zon peniaga-peniaga yang menjual pelbagai jenis barangan yang kebanyakannya terdiri daripada barang-barang keperluan harian. Menurut Mc. Intryre (1955) beliau telah mendapati bahawa struktur perniagaan di Manila dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kedai-kedai perniagaan kejiranan, kawasan perniagaan sepanjang jalan utama dan pusat awam.

Bellet (1969) dalam kajiannya di Singapura mendapati bahawa ada persamaan dari segi bentuk perniagaan di Singapura dan Manila. Yeung (1977) yang menjalankan kajian yang sama setahun kemudiannya telah mendapati pola perniagaan mengikut kaum-kaum tertentu. Contohnya, di Cross Stress terdapat perkelompokan kedai-kedai barang emas yang dikuasai oleh kaum Cina, manakala di Arab Stress pula terdapat perkelompokan kedai-kedai pakaian yang dimiliki oleh kaum India. Jackson (1973 dirujuk oleh Zainal Abidin, 1989) dalam kajiannya ke atas struktur dan fungsi bandar-bandar kecil di Malaysia, mendapati bandar-bandar kecil berfungsi sebagai pusat pembekal dan pengagihan barang-barang keperluan yang penting kepada penduduk di sekitarnya. Beliau mendapati bahawa kebanyakan struktur fungsi-fungsi di atas terletak di sepanjang jalan-jalan utama. Kebanyakan kedai runcit ini terdiri daripada rumah-rumah dua tingkat dan pada setiap satu kelompok unjuran kedai ini mengandungi enam hingga 12 buah.

Nuriah (1978 dirujuk oleh Sabri, 2005) dalam kajiannya di bandar Penggaram, Johor mendapati tidak ada kawasan yang khusus bagi satu-satu jenis barang tetapi ianya mempunyai taburan yang berkelompok dan bercampur aduk. Dua pola umum perniagaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terdapat di bandar Penggaram adalah berkelompok pada bahagian pusat bandar, manakala di kawasan perumahan pula, pola pelbagai jenis perniagaan adalah secara berselerak dan bertaburan *(disperse).* Perniagaan runcit diwujudkan adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak pengguna terakhir. Bentuk perniagaan yang terdapat di Malaysia adalah agak berlainan sedikit dengan negara-negara maju. Di Malaysia, terdapat jenis perniagaan yang berbentuk warisan atau tradisional yang berskala kecil. Kedai-kedai seperti ini biasanya terdapat di pinggir jalan raya tertentu dan di beberapa kawasan yang kosong. Pola perniagaan yang terdapat di sesebuah bandar dapat menggambarkan struktur bandar tersebut. Perancangan masa depan bermula dari penyusunan struktur dalaman bandar tersebut. Taburan dan struktur perniagaan runcit dapat dijadikan asas dalam merancang pembangunan semula sesebuah bandar. Pembinaan bangunan yang teratur akan dapat mengekalkan dan membebaskan keseluruhan bandar tersebut dari kesesakan lalu lintas terutamanya di kawasan membeli-belah (Alexander, 1974).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai jenis perniagaan memberi sumbangan kepada negara dengan cara menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk sesebuah tempat. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran di sesebuah kawasan. Pertumbuhan bilangan pekerja di sesebuah kawasan bandar dapat memungkinkan berkembangnya sektor pengangkutan, perkhidmatan dan sebagainya (Duncan dan Philips, 1963).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 KESIMPULAN

Bab ini telah memaparkan segala ulasan literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hal ini adalah kerana, setiap ulasan yang dikemukakan ini mempunyai kerelevennya yang tersendiri dalam menjelaskan aplikasi tajuk kajian dalam dunia yang sebenar. Ia biasanya berkaitan dengan teori yang dikemukakan dan pendapat tokoh yang sinonim dengan bidang perniagaan. Secara kesimpulannya, jarak sesuatu kawasan perniagaan berkait rapat dengan darjah ketersampaian seseorang itu untuk membeli sesuatu barangan.

Merujuk kepada kajian lepas, pelajar universiti hanya mampu untuk berjalan dalam jarak yang dekat sahaja kerana majoriti pelajar universiti tidak memiliki kenderaan sendiri. Dalam kata lain, universiti juga merupakan penyumbang utama kepada perniagaan yang berhampiran sepertimana ekonomi di kawasan bandar. Malah, cuti semester juga akan sedikit sebanyak merugikan dan menjejaskan ekonomi para peniaga kerana pelajar universiti merupakan penyumbang utama kepada perniagaan berhampiran terutamanya di Taman Universiti berbanding dengan orang awam. Para peniaga harus mencari sesuatu cara untuk manarik pembeli agar ianya tidak terlalu bergantung kepada pelajar UPSI sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan satu kaedah bagaimana sesuatu kajian itu dilaksanakan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, menerusi bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan yang telah digunakan. Jenis kaedah yang digunakan adalah penting bagi menentukan keberkesanan dan ketepatan maklumat yang diperolehi. Antara kaedah yang digunakan termasuklah menentukan kawasan dan juga instrument yang digunakan dalam membuat kajian ini. Melalui metodologi kajian ini, dijelaskan urutan-urutan dan proses dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir penyelidikan yang dijalankan. Dengan itu, objektif kajian ini akan tercapai sekiranya proses metodologi kajian dilakukan dengan berperingkat-peringkat. Sistem maklumat geografi (GIS) telah diterima pakai oleh penyelidik daripada pelbagai bidang seperti perniagaan (Ruslan dan Noresah, 1998; Ruslan dan Narimah, 1992). Penggunaan GIS semakin berkembang dalam pelbagai organisasi (Mithchell, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 LOKASI KAJIAN

Tanjong Malim terletak di bawah pentadbiran Daerah Batang Padang yang meliputi keseluruhan kawasan seluas 275,265.02 hektar. Jumlah keseluruhan dan unjuran bagi penduduk kawasan Tanjong Malim ialah 159,995 orang dan ianya dijangka meningkat kepada 230,579 orang pada tahun 2020 dengan Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (KPPT) sebanyak 2.1 peratus (Rancangan Tempatan 2020 Daerah Batang Padang, 2007). Bandar Tanjong Malim dan kawasan sekitarnya juga mengalami pertambahan penduduk secara perlahan dari tahun ke tahun kerana kawasan ini di dalam proses pembangunan dari segi fizikal seperti aspek infrastruktur dan sebagainya.

Matlamat pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2020 adalah untuk membangunkan daerah Batang Padang secara lestari sebagai sebahagian pembangunan Lembah Bernam dengan pembangunan pertanian, industri automotif, eko-pelancongan, perhubungan, penempatan dan pengukuhan institusi (Rancangan Tempatan 2020 Daerah Batang Padang, 2007). Kawasan Tanjong Malim secara keseluruhannya diliputi dengan hutan rizab. Jadual 3.1 menunjukkan guna tanah di bandar Tanjong Malim.

Jadual 3.1: Guna Tanah Di Tanjong Malim


Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Kawasan rizab hutan	132,314.29	48.0
Kawasan pertanian	110,178.16	40.0
Kawasan tepu bina	32,771.97	12.0
Jumlah	275 265.02	100%

Sumber: Rancangan Tempatan 2020 Daerah Batang Padang 2007.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan kajian meliputi sekitar kawasan kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI) seperti Taman Universiti, bandar Tanjong Malim, Taman Bernam, Kota Malim Prima, Bandar Proton dan Behrang 2020.



Peta 3.1: Peta Lokasi Kajian di Kawasan Tanjong Malim, Perak.

3.2 KENAL PASTI ISU DAN MASALAH

Kajian yang dilakukan adalah bermula daripada mengenal pasti masalah yang berkaitan dengan pengaruh letakkan dan penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap jenis-jenis perniagaan sekitar kampus UPSI. Di samping itu, kajian yang dijalankan juga adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah pengaruh sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

institusi pengajian tinggi terhadap jenis-jenis perniagaan dan peluang perniagaan yang boleh didapati di kawasan sekitarnya berdasarkan pengaruh faktor jarak.

3.3 KEPERLUAN DATA DAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA

3.3.1 Keperluan Data

Data merupakan suatu fakta, maklumat ataupun angka yang diperlukan bagi sesuatu kajian (Bhasah, 2009). Data juga boleh dinyatakan sama ada dalam bentuk statistik ataupun parameter yang akan menerangkan sesuatu fenomena atau peristiwa yang berlaku. Projek penyelidikan ini bertumpu kepada kajian perniagaan di kawasan universiti. Data yang diperlukan dalam kajian ini dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi melalui proses pencerapan dan juga pemerhatian yang dijalankan di kawasan kajian. Data ini diperlukan untuk mengetahui taburan pelbagai jenis-jenis perniagaan yang terdapat dalam kawasan kajian untuk dimasukkan ke dalam pengkalan data GIS untuk dianalisis.

3.3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan tatacara yang digunakan bagi mendapatkan sumber atau maklumat berkenaan kajian yang dijalankan. Bagi kajian ini, beberapa kaedah digunakan untuk mendapatkan data primer dan juga sekunder. Data primer diperolehi dengan cara tinjauan dan pencerapan di lapangan. Melalui kaedah-kaedah ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji mengumpul seberapa banyak yang mungkin maklumat untuk mengenal pasti beberapa aspek yang berkaitan.

Tinjauan awal dilakukan bertujuan untuk menentukan kedudukan lokasi dan juga mengenal pasti setiap jenis perniagaan di kawasan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji berharap dapat mengukuhkan lagi maklumat yang bakal diperoleh di samping dapat melihat sendiri aktiviti perniagaan yang berlaku di kawasan kajian. Semasa membuat tinjauan dan pencerapan, pengkaji juga menggunakan kaedah fotografi bagi mengambil gambar mengenai masalah yang dibincangkan. Kaedah ini adalah sangat penting kerana gambar yang diambil boleh digunakan sebagai bukti bagi menyokong sebarang hujah yang akan dikemukakan. Antara foto yang diambil adalah seperti deretan kedai dan premis-premis yang menjalankan aktiviti perniagaan. Kaedah ini adalah penting bagi mengenal pasti perbezaan pelbagai jenis perniagaan antara kawasan kajian dengan jarak dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Selain itu juga, beberapa faktor yang mungkin menjadi penyebab kepada berlakunya perbezaan setiap jenis perniagaan dengan jarak dari kampus UPSI dapat dikenal pasti.

Manakala bagi mendapatkan data sekunder, pengkaji telah mengumpul maklumat dari perpustakaan dan manuskrip daripada pelbagai sumber berkaitan perniagaan. Bagi tujuan ini, pelbagai buku, jurnal, laman web dan juga laporan-laporan jabatan dan agensi-agensi kerajaan telah dirujuk. Perolehan sumber data yang sedia ada adalah lebih cepat, menjimatkan masa dan mengurangkan kos dan ianya boleh didapati daripada laman web agensi kerajaan atau swasta (Nasir, 2006). Bukan itu sahaja, kajian ini juga mendapat data melalui hasil kajian-kajian lepas yang mengandungi maklumat mengenai Sistem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat Geografi (GIS), jenis perniagaan, pemetaan dan sebagainya. Kajian lepas juga bertujuan untuk dijadikan garis panduan untuk menghasilkan kajian ini kerana ianya akan serba sedikit membantu dalam memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian.


3.3.3 Penganalisisan Data

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian ArcView 3.2 dan juga penggunaan Microsoft Excel. Segala data yang diperolehi akan dimasukkan dalam pengkalan data perisian ArcView dan data output juga dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel. Hasilnya dikeluarkan dalam bentuk jadual dan graf. Kaedah ini adalah penting untuk memudahkan proses penganalisisan untuk melihat hubungkait pola guna tanah dengan jenis perniagaan sekitar kampus UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.2: Carta Aliran Metodologi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 ANALISIS DATA

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk melakukan analisis data dan pemetaan kawasan kajian bagi menghasilkan dapatan kajian. Antara kaedah analisis yang telah digunakan adalah dengan melakukan *Nearest Features* yang terdapat dalam perisian ArcView dan analisis data selanjutnya menggunakan perisian Microsoft Excel.



Rajah 3.3: Operasi GIS Menggunakan *Nearest Features*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Operasi *Centroid*

Sebelum membina *nearest features, centroid* untuk UPSI perlu dibina terlebih dahulu, dimana *centroid* ini berperanan sebagai pusat atau titik tengah kepada *nearest features.*

3.4.2 Operasi *Nearest Features*

Operasi *nearest features* digunakan untuk melihat dengan lebih jelas jarak yang tepat setiap jenis perniagaan dengan kampus UPSI. Pada operasi *nearest features* ini, apa yang ditekankan ialah pengaplikasian *theme*. Terdapat dua *theme* yang perlu dibina bagi mengemaskinikan data iaitu *theme universiti* (sebagai *centroid*) yang digunakan untuk mengukur jarak yang dikehendaki iaitu dari kampus UPSI dan *theme* jenis perniagaan. Setelah itu, *nearest features* dibuat bagi menunjukkan jarak sebenar setiap jenis perniagaan dengan kampus UPSI.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.3 Eksport Data *nearfeat.avx* Kepada Perisian Microsoft Excel

Data nearfeat dinyatakan dalam *field* baru dengan jarak setiap jenis perniagaan dari UPSI. Kemudian data ini dieksport ke perisian Microsoft Excel bagi memudahkan proses pengiraan dan menganalisis kesemua jenis perniagaan mengikut jarak menggunakan skala iaitu dengan selang kelas 100 meter hingga 10,000 meter dari kampus UPSI. Semua hasil data tadi dipindahkan ke fail Microsoft Excel bagi memudahkan membuat jadual dan graf untuk langkah analisis yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.4: Hasil Paparan Menggunakan *Nearest Features.*

3.5 KESIMPULAN

Bab ini telah menjelaskan secara terperinci berkenaan kaedah dan operasi yang digunakan. Kaedah yang digunakan adalah pelbagai untuk mendapatkan maklumat sama ada primer atau sekunder. Penjelasan lokasi kajian dan seterusnya kaedah operasi GIS menggunakan *nearest features* dan Microsoft Excel telah diterangkan. Langkah-langkah yang digunakan adalah jelas bagi memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Amnya, kajian ini adalah berkaitan tentang jenis-jenis perniagaan yang terdapat sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI) dan pengaruh atau fungsi UPSI dalam mempengaruhi letakan sesuatu jenis perniagaan di sekitarnya. Bagi melihat perbandingan atau perbezaan sesuatu jenis letakan perniagaan, faktor jarak digunakan sebagai pembolehubah yang utama bagi melihat perbezaan tersebut. Operasi GIS menggunakan *nearest features* bagi mengukur jarak yang tepat dari kampus UPSI dengan setiap jenis perniagaan yang terletak sekitar kampus UPSI. Oleh itu, berdasarkan hasil kajian yang dijalankan ini dapat menunjukkan sama ada wujud atau tidak perbezaan setiap jenis perniagaan yang terdapat sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Faktor penuntut UPSI (seperti sikap atau kesanggupan, darjah ketersampaian, kemudahan yang terdapat di kawasan tersebut dan juga produk yang ditawarkan mampu menarik minat penuntut atau tidak untuk berbelanja) dan faktor peniaga (seperti permintaan yang tinggi terhadap sesuatu produk di sesebuah kawasan) dalam mempengaruhi letakan sesuatu jenis perniagaan juga dapat dilihat dengan jelas dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 ANALISIS JENIS PERNIAGAAN SEKITAR KAMPUS SULTAN ABDUL JALIL SHAH (UPSI)


Jadual 4.1: Jumlah Keseluruhan Perniagaan Sekitar Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Jenis Perniagaan	*Jumlah Lot*
Kedai Makan	98
Kedai Pakaian	63
Kedai Runcit	49
Kedai Telekomunikasi	34
Pusat Servis/Baiki Kereta	28
Pasaraya	27
Kedai Perabot	23
Pasar Mini	22
Kafe Siber	18
Kedai Elektrik	17
Kedai Alat Tulis	17
Kedai Fotostat	15
Kedai Gunting Rambut	14
Kedai Komputer	14
Kedai Emas	12
Kedai Cermin Mata	12
Kedai Motosikal	11
Kedai Kasut	7
Kedai Jam	7
Kedai Jahit	6
Kedai Aksoseri Wanita	6
Kedai 'Hardware'	5
Kedai Hadiah	5
Kedai Gambar	5
Farmasi	5
Perniagaan Besi & Logam	4
Kedai Roti & Kek	4
Kedai Tayar	3
Kedai Sukan	3
Lain-Lain	12
Jumlah	**546**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Jenis Perniagaan Sekitar 100 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.1: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 100 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.1 menunjukkan 13 jenis perniagaan dan 69 lot kedai yang terdapat sekitar 100 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf di atas menunjukkan lot kedai makan mempunyai jumlah yang tertinggi iaitu 14 lot (20.3%). Jumlah yang besar ini adalah disebabkan jarak yang terlalu dekat dengan kampus dan pemilik premis perniagaan mengambil kesempatan bagi mengaut keuntungan yang lebih dengan membuka kedai makan berdekatan kampus. Ini kerana setiap manusia yang hidup memerlukan tenaga untuk hidup dan bekerja, oleh itu sama seperti pelajar yang seharusnya makan untuk mendapatkan tenaga bagi menjalankan aktiviti seharian terutamanya bagi menghadiri kelas dan kuliah di kampus. Jarak 100 meter ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

termasuklah kawasan Taman Universiti iaitu di hadapan pintu timur kampus yang menjadi tumpuan para pelajar. Jarak yang dekat dari kawasan kampus dan faktor kekangan masa oleh mahasiswa mahasiswi UPSI (sibuk dengan kuliah dan tugasan) juga menyebabkan kedai makan di kawasan tersebut menjadi pilihan. Lagipun, ramai daripada mahasiswa mahasiswi UPSI tidak mempunyai kenderaan sendiri dan ini merupakan salah satu lagi faktor yang menggalakkan mereka untuk memilih kedai makan yang terhampir sekali dengan mereka. Jadi, berdasarkan beberapa faktor di atas, permintaan untuk mendapatkan makanan semakin meningkat dan ini secara langsung menggalakkan para peniaga khususnya bagi perniagaan berasaskan makanan memilih kawasan sekitar 100 meter sebagai lokasi letakan perniagaan mereka. Tambahan pula, faktor pelajar yang menyewa di kawasan Taman Universiti juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kedai makan di kawasan Taman Universiti ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diikuti oleh jumlah kedua tertinggi iaitu kedai alat tulis dengan 10 lot kedai (14.5%) dan ianya tertumpu di kawasan Taman Universiti. Kedai ini termasuklah CCY Stationery, Galaksi Ilmu Interprise dan Citra Grafik. Kedai alat tulis sememangnya sinonim dengan golongan pelajar dan memainkan peranan penting kepada pelajar UPSI sebagai tempat untuk mendapatkan bahan dan alat untuk pembelajaran serta untuk membuat tugasan bagi kursus yang diambil di universiti. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat 14.5% kedai alat tulis yang berhampiran dengan kampus menjadi sasaran pelajar untuk mendapatkan keperluan mereka dengan cepat dan mudah. Kedai alat tulis di sini juga menjual alat bantu mengajar (ABM) bagi persediaan kepada bakal guru-guru pelatih UPSI dan pelajar tidak perlu bergerak jauh untuk mendapatkan alat tulis dan buku-buku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kafe siber, kedai fotostat dan kedai runcit masing-masing dengan lapan lot kedai (11.6%) yang terdapat sekitar 100 meter ini. Kesemua jenis kedai ini penting dan menjadi tumpuan kepada pelajar UPSI. Oleh itu, pemilihan lokasi perniagaan penting kepada pemilik premis perniagaan kerana kesemua kedai terletak di Taman Universiti dan di hadapan pintu timur yang menjadi tumpuan pelajar. Kafe siber penting kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat melalui internet. Begitu juga dengan kedai fotostat penting kepada pelajar untuk membuat salinan dokumen mahupun bahan-bahan ilmiah seperti nota kuliah dan sebagainya, malah kebanyakan kedai fotostat di Taman Universiti ini turut menjual salinan nota-nota kuliah untuk pelajar UPSI. Ini disebabkan pelajar hanya tertumpu di Taman Universiti kerana lebih dekat dan cepat, dan oleh kerana pintu timur digunakan sebagai tempat perhentian bas dan juga sebagai tempat pertukaran bas dari kolej mahupun ke Taman Bernam dan Bandar Proton.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, terdapat lapan lot kedai runcit dan hanya terdapat di Taman Universiti dan Taman Nusa. Jumlah ini tidak banyak berbanding kedai makan kerana pelajar jarang membeli barangan runcit di hadapan kampus untuk di bawa pulang ke rumah. Ini disebabkan pelajar tiada masa untuk membeli barangan dan terpaksa membawa pulang ke rumah yang agak jauh, tambahan pula semua barangan runcit yang diperlukan oleh pelajar mahupun staf sudah terdapat di kawasan kediaman masing-masing. Faktor harga barangan runcit di Taman Universiti juga agak mahal sedikit berbanding di bandar Tanjong Malim. Ini telah disokong oleh Ghosh (1994) menyatakan aktiviti peruncitan sebagai organisasi perniagaan yang menjual barangan dan perkhidmatan kepada pengguna untuk keperluan sendiri atau isi rumah sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, terdapat lima lot (7.2%) kedai komputer dan kesemuanya terletak di kawasan Taman Universiti. Ini kerana setiap pelajar UPSI mesti memiliki komputer untuk membuat sebarang tugasan di universiti. Taman Universiti menjadi tumpuan kerana memudahkan pelajar untuk pergi ke kedai tersebut, tambahan pula kemudahan bas yang disediakan oleh pihak universiti untuk ke kampus juga dekat dengan kedai komputer, memudahkan pelajar UPSI membeli dan mendapatkan perkhidmatan berkaitan komputer. Tambahan pula kedai komputer tidak banyak di kawasan bandar Tanjong Malim ini, malah ada juga pelajar terpaksa pergi ke Kuala Lumpur bagi mendapatkan komputer. Oleh itu, dengan adanya kedai komputer yang berdekatan dengan kampus memudahkan para pelajar untuk membeli atau membaiki komputer di sini.

Selain itu, terdapat empat lot (5.8%) kedai telekomunikasi di sekitar 100 meter ini dan kebanyakannya berada di Taman Universiti. Kawasan ini menjadi tumpuan pelajar mahupun staf universiti bagi mendapatkan tiket tambah nilai prabayar *(top up)* bagi telefon bimbit masing-masing dengan mudah dan cepat tanpa perlu bergerak jauh untuk mendapatkan *top up*. Dalam dunia tanpa sempadan dan kecanggihan telekomunikasi sekarang telefon bimbit telah menjadi satu keperluan penting kepada sesiapa sahaja tanpa mengira peringkat umur. Begitu juga kepada pelajar tidak terkecuali daripada memiliki sekurang-kurangnya satu telefon bimbit untuk kemudahan perhubungan. Secara langsung, perniaga mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang lebih dan bagi memenuhi permintaan yang tinggi. Faktor pemilihan tempat berniaga adalah satu strategi untuk mendapatkan keuntungan seperti tumpuan pelajar di bahagian pintu timur kampus UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manakala, sekitar 100 meter dari kampus ini juga terdapat bengkel motosikal, kedai pakaian, kedai aiskrim, kedai aksoseri wanita, kedai gunting rambut dan kedai serbaneka dengan masing-masing dua lot kedai (2.9%) sahaja. Bilangan kedai-kedai ini tidak banyak kerana jumlah ini sudah memadai dengan permintaan di kawasan ini. Kedai-kedai ini bukanlah menjadi satu keperluan yang utama dikalangan pelajar. Contohnya, kedai gunting rambut, bukan setiap minggu orang mengunting rambut, walaupun syarat dan etika pemakaian UPSI mewajibkan pelajar terutamanya pelajar lelaki mesti berambut pendek dan kemas. Tambahan pula, kebanyakan pelajar lelaki ini kebanyakannya berkebolehan mengunting rambut sendiri dan dengan ini permintaan terhadap kedai gunting rambut adalah kurang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Perniagaan Sekitar 101 Hingga 200 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.2: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 101 Hingga 200 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.2 menunjukkan lapan jenis perniagaan dan 24 lot kedai yang terletak sekitar 101 hingga 200 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf di atas menunjukkan jumlah jenis perniagaan yang paling banyak iaitu kedai makan sebanyak 10 lot (41.7%), diikuti oleh kedai perabot lima lot (20.8%), tiga lot kedai fotostat (12.5%) dan dua lot kedai runcit (8.3%). Manakala terdapat kedai komputer, kedai kereta, kedai serbaneka dan kedai telekomunikasi dengan masing-masing satu lot (4.2%) sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah kedai makan ialah 10 lot menunjukkan walaupun agak jauh sedikit dari kampus, pelajar masih mampu untuk bergerak bagi mendapatkan makanan. Tetapi kebanyakannya terdiri daripada pelajar dan juga staf universiti yang mempunyai kenderaan sendiri. Ini kerana pelajar tidak akan berjalan kaki melebihi 100 meter semata-mata untuk mendapatkan makanan sedangkan sudah banyak pilihan yang terdapat di kawasan Taman Universiti. Ini kerana, mengikut Moha Asri (2000) dalam mana-mana sektor perniagaan, pembeli boleh membuat pilihan untuk membeli produk dan perkhidmatan daripada mana-mana peniaga. Pemilihan peniaga ini juga bergantung kepada beberapa faktor seperti jumlah kuantiti belian, pembeli tidak mementingkan kualiti produk, pembeli sensitif kepada kos dan keuntungan atau pembeli sendiri dan terdapat ramai peniaga yang menjual produk yang sama dalam satu-satu sektor atau lokasi perniagaan.


Terdapat juga kedai perabot di sekitar ini, dan kedai ini bukan berfokus kepada pelajar tetapi untuk penduduk setempat di kawasan Tanjong Malim ini. Begitu juga dengan dua lot kedai runcit untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan.

Manakala terdapat sebuah lot kedai komputer, kedai serbaneka dan telekomunikasi dalam jarak ini. Kedai tersebut sudah cukup untuk memenuhi permintaan di kawasan ini memandangkan jarak yang agak jauh dari kampus akan membuang masa pelajar, sedangkan semua barangan kehendak mereka sudah tersedia di kawasan berdekatan kampus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Perniagaan Sekitar 201 Hingga 600 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.3: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 201 Hingga 600 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.3 menunjukkan 27 jenis perniagaan dan 305 lot kedai yang terletak sekitar 201 hingga 600 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf menunjukkan terdapat 33 lot kedai makan (10.8%) daripada 305 lot kedai keseluruhan sekitar ini. Ini kerana kawasan tersebut adalah terletak di pusat bandar Tanjong Malim yang menjadi pusat kegiatan ekonomi malah mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja daripada pelajar dan staf UPSI serta permintaan daripada kakitangan kerajaan mahupun swasta yang berkhidmat di bandar Tanjong Malim dan penduduk setempat amnya. Selain itu juga, dalam jarak ini terdapat restoran makanan segera iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kentucky Fried Chicken (KFC) dan Pizza Hut, ini menjadi tumpuan kepada mereka yang gemar menikmati makanan segera. Oleh itu, pelanggan terpaksa berkunjung ke bandar Tanjong Malim untuk mendapatkan keinginan mereka walaupun terpaksa bergerak jauh. Ini kerana hanya di bandar Tanjong Malim sahaja terdapat restoran KFC dan Pizza Hut yang terdekat sekitar kampus UPSI ini.

Selain itu, terdapat jumlah yang paling tertinggi iaitu kedai pakaian dengan 34 lot kedai (11.1%). Ini kerana semua kedai pakaian adalah lebih tertumpu di kawasan pusat bandar Tanjong Malim sahaja. Ini disebabkan kedai pakaian penting kepada semua orang dan kawasan ini merupakan pusat tumpuan pelajar dan penduduk. Selain itu, darjah ketersampaian yang tinggi disebabkan jarak yang dekat dan penyediaan pengangkutan bas oleh pihak UPSI serta kemudahan kereta sewa menyebabkan kawasan tersebut menjadi tumpuan para mahasiswa mahasiswi untuk membeli barangan keperluan seperti pakaian. Bandar Tanjong Malim merupakan pusat gedung pakaian dan fesyen dengan pelbagai pilihan. Tambahan pula, syarat dan kod etika pemakaian yang telah ditetapkan oleh UPSI terhadap pelajarnya untuk berpakaian kemas dan formal ketika memasuki kampus juga turut menggalakkan kewujudan pusat-pusat fesyen dan kedai-kedai pakaian di kawasan sekitarnya. Terutama di pusat bandar Tanjong Malim yang banyak pilihan dan kemudahan tempat letak kenderaan juga memudahkan pelanggan untuk membeli-belah di sini.

Selain itu, tempat ketiga tertinggi ialah kedai telekomunikasi dengan 20 lot kedai (6.66%) dan kebanyakannya tertumpu di bandar Tanjong Malim. Ini termasuklah kedai menjual dan membaiki telefon bimbit serta perkhidmatan yang berkaitan telekomunikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat di pusat bandar Tanjong Malim ini. Di sini, bukan sahaja berfokus kepada pelajar UPSI sahaja, malah untuk memenuhi permintaan semua golongan dengan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi.

Seterusnya, terdapat kedai runcit sebanyak 19 lot kedai (62.2%) sekitar ini. Ini kerana bandar Tanjong Malim menjadi tumpuan penduduk di kawasan Tanjong Malim untuk mendapatkan semua jenis barangan runcit dan keperluan harian yang diperlukan. Selain itu, faktor harga yang murah sedikit dan banyak pilihan menjadi tarikan kepada pelajar untuk berbelanja di kawasan bandar Tanjong Malim. Selain di pusat bandar juga, terdapat beberapa buah kedai runcit di sekitar ini disebabkan oleh penduduk yang kurang padat dan mencukupi bagi permintaan yang diperlukan oleh penduduk kawasan tersebut. Pengguna yang mampu bergerak akan terus bergerak untuk mendapatkan barangan yang dikehendakinya tetapi bagi pengguna yang tidak mempunyai kemampuan untuk bergerak maka ia tidak mendapat barangan tersebut (Berry, 1976). Ketidaksampaian inilah secara langsungnya menjadi faktor sesebuah perniagaan itu mengalami kerugian.

Selain itu, terdapat kedai cermin mata dan pasar mini dengan masing-masing 17 lot (5.6%). Pasar mini ini menyediakan keperluan dan kehendak pengguna kepada semua golongan masyarakat tidak kira kepada pelajar dan staf UPSI, malah kepada penduduk setempat. Begitu juga dengan kedai cermin mata yang terdapat sekitar ini, kedai ini menyediakan perkhidmatan membuat cermin mata bagi mereka yang mengalami masalah penglihatan terutamanya kepada pelajar dan staf UPSI.

Selain itu, terdapat 13 lot kedai perabot (4.3%), kedai elektrik sebanyak 15 lot sekitar 201 hingga 600 meter dari kampus. Selain itu, terdapat kedai emas, kedai gunting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rambut, kedai jam dan pasaraya masing-masing mempunyai 12 lot (3.9%). Pasaraya ini menyediakan keperluan dan kehendak pengguna kepada semua golongan masyarakat tidak kira kepada pelajar dan staf UPSI, malah kepada penduduk setempat. Jumlah pelbagai jenis perniagaan ini sudah mencukupi untuk memenuhi permintaan dan keperluan pelanggan. Manakala untuk mendapatkan barangan dan produk yang tidak terdapat di sini, pelanggan terpaksa bergerak lebih jauh samada ke Kuala Lumpur ataupun ke Bandaraya Ipoh.

Terdapat kedai jahit dan kedai alat tulis dengan masing-masing 11 lot (3.6%) dan 10 lot kedai hadiah (3.3%), lapan lot kedai kasut (2.6%) dan tujuh lot farmasi (2.3%). Di sekitar kampus UPSI ini kedai kasut hanya terdapat di sekitar 201 hingga 600 meter sahaja iaitu di pusat bandar Tanjong Malim. Ini kerana permintaan kasut tidaklah sepenting kedai makan yang ada di mana-mana sahaja. Oleh itu, lokasi di pusat bandar Tanjong Malim menjadi tumpuan perniagaan kasut ini untuk memenuhi permintaan semua lapisan masyarakat di kawasan Tanjong Malim. Walaupun pemakaian kasut penting kepada pelajar UPSI kerana pelajar seharusnya mengikut peraturan dan etika pemakaian UPSI untuk menghadiri kuliah dengan memakai kasut bertutup. Oleh itu, jumlah kedai kasut ini sudah memadai dengan permintaan dan memenuhi kehendak pengguna. Begitu juga dengan farmasi yang menjual produk dan ubat-ubatan untuk kesihatan kepada pelajar UPSI dan penduduk tempatan.


Terdapat bengkel kereta dan kedai motosikal dengan masing-masing enam lot (2.0%), kedai roti dan kek, kedai aksoseri wanita dan kedai 'hardware' dengan masing-masing empat lot (1.3%). Juga terdapat kedai serbaneka, kedai gambar dan kedai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komputer dengan masing-masing lima lot kedai (1.6%) sekitar ini kebanyakannya terdapat di bandar Tanjong Malim. Selain itu, terdapat juga dua lot kedai basikal dan sebuah kedai jualan langsung.

4.2.4 Perniagaan Sekitar 601 Hingga 700 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.4: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 601 Hingga 700 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.4 menunjukkan empat jenis perniagaan dan lima lot kedai yang terletak sekitar 601 hingga 700 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf di atas menunjukkan jumlah lot kedai mula menampakkan penurunan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendadak. Contohnya, kedai makan, kedai motosikal dan pasar mini masing-masing sebuah lot kedai (20%) sahaja, manakala terdapat dua lot kedai (40%) perniagaan besi dan logam. Kawasan ini kurang terdapatnya perniagaan kerana merupakan kawasan perumahan dan merupakan kawasan tanah lapang yang dipenuhi dengan belukar. Darjah ketersampaian yang semakin rendah (tiadanya kemudahan pengangkutan) dan juga faktor jarak yang semakin meningkat menyebabkan mahasiswa dan mahasiswi UPSI kurang berkeinginan atau tidak mempunyai kesanggupan untuk bergerak jauh. Tambahan pula segala keperluan dan kehendak pengguna sudah tersedia di pusat bandar Tanjong Malim menyebabkan para peniaga kurang memilih kawasan tersebut sebagai lokasi perniagaan kerana dikhuatiri perniagaan mereka akan mengalami kerugian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5 Perniagaan Sekitar 801 Hingga 900 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.5: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 801 Hingga 900 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.5 menunjukkan 11 jenis perniagaan dan 36 lot kedai yang terletak sekitar 801 hingga 900 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf di atas menunjukkan permintaan bagi kedai makan dan kedai runcit mula meningkat semula dengan masing-masing lapan lot kedai (22.2%). Ini kerana sekitar tersebut adalah kawasan taman perumahan dan berhampiran dengan dewan kuliah di Taman Bernam dan Taman Malim menyebabkan permintaan bagi makanan dan barangan runcit juga meningkat bagi memenuhi keperluan pengguna terutamanya oleh mahasiswa mahasiswi UPSI yang tinggal di kawasan terbabit. Selain itu, terdapat lima lot kedai (13.9%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membaiki kereta dan motosikal kerana kebanyakan mahasiswa mahasiswi UPSI yang tinggal di kawasan terbabit adalah memiliki kenderaan sendiri dan mereka memerlukan kedai atau pusat servis kenderaan untuk membaiki kenderaan mereka apabila rosak (permintaan untuk pusat-pusat baik pulih kenderaan adalah tinggi).

Juga terdapat kedai pakaian dan kedai elektrik masing-masing dengan tiga lot kedai (8.3%). Kedai mengunting rambut, kedai sukan dan kedai telekomunikasi dengan masing-masing adalah dua lot kedai (5.6%). Terdapat juga kafe siber, kedai motosikal dan kedai perabot dengan masing-masing sebuah lot sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6 Perniagaan Sekitar 901 Hingga 1,100 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.6: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 901 Hingga 1,100 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.6 menunjukkan 11 jenis perniagaan dan 29 lot kedai yang terletak sekitar 901 hingga 1,100 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Kawasan sekitar ini mula menunjukkan semakin berkurangan jumlah kedai apabila semakin jauh dari kampus. Akan tetapi kedai elektrik menunjukkan jumlah yang tinggi berbanding kedai lain iaitu sebanyak lapan lot (27.6%). Ini kerana kawasan tersebut terletak di kawasan perumahan iaitu Taman Bernam dan Taman Malim yang menjual dan membaiki barangan elektrik. Selain itu, terdapat kedai makan dan kedai aksesori kereta dengan masing-masing empat lot kedai (13.8%). Kedai makan di sini bukan lagi tertumpu kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar UPSI semata-mata, akan tetapi disebabkan permintaan daripada penduduk dan pekerja di kawasan tersebut. Diikuti oleh kedai motosikal sebanyak tiga lot kedai (10.3%) yang menyediakan perkhidmatan menjual dan membaiki kenderaan bermotor.

Juga terdapat kedai perniagaan kaca dan aluminium, kedai gunting rambut dan kedai perabot dengan masing-masing tiga lot kedai (10.3%). Faktor yang sama juga berlaku terhadap letakan kedai perabot. Kebanyakan rumah yang disewa oleh mahasiswa mahasiswi UPSI tidak mempunyai peralatan perabot yang lengkap, oleh itu mereka memerlukan kelengkapan perabot seperti katil, tilam, meja tulis, almari pakaian dan sebagainya. Secara tidak langsung menggalakkan kewujudan kedai perabot bagi memenuhi permintaan pelajar UPSI dan juga penduduk setempat. Selain itu, terdapat kedai makan, kafe siber, kedai motosikal dan pasar mini dengan masing-masing mempunyai satu lot kedai (3.4%) sahaja.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara ini menunjukkan bahawa sekitar tersebut tidak terdapat banyak jenis perniagaan berbanding sekitar 200 hingga 600 meter kerana faktor jarak dari kampus UPSI. Biasanya faktor jarak menyebabkan para peniaga kurang berminat untuk membuka premis perniagaan mereka sekitar 901 hingga 1,100 meter kerana kadar ketersampaian pelajar UPSI mahupun orang ramai yang kurang menyebabkan peniaga tidak mendapat keuntungan namun sebaliknya. Oleh itu, tidak terdapat banyak jenis perniagaan dalam jarak ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7 Perniagaan Sekitar 1,350 Hingga 1,500 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.7: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 1,350 Hingga 1,500 Meter Dari Kampus UPSI.


Graf 4.7 menunjukkan sembilan jenis perniagaan dan 25 lot kedai yang terletak sekitar 1,350 hingga 1,500 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Di sini dapat dilihat bahawa semakin berkurang jumlah kedai apabila semakin jauh dari kampus UPSI. Sekitar kawasan ini terdapat kedai aksesori kereta dengan jumlah tertinggi iaitu lapan lot (32%). Kedai aksesori kereta agak tinggi kerana kebanyakan penduduk di Tanjong Malim mampu memiliki kereta sendiri dan golongan pemuda sekarang suka mengubahsuai kenderaan mereka supaya lebih selesa dan menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akan tetapi, permintaan untuk kedai makan adalah sama seperti kawasan sebelumya. Ini kerana permintaan daripada kawasan perumahan seperti di Taman Sentosa, kawasan rumah awam yang di sewa oleh pelajar UPSI. Faktor yang sama juga mendorong kepada pembukaan kafe siber, kedai komputer dan kedai 'hardware' dengan masing-masing dua lot kedai atau lapan peratus. Diikuti oleh kedai cermin mata, kedai kereta, kedai runcit dan pasaraya dengan masing-masing sebuah lot sahaja.

4.2.8 Perniagaan Sekitar 1,501 Hingga 1,650 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.8: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 1,501 Hingga 1,600 Meter Dari Kampus UPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Graf 4.8 menunjukkan tiga jenis perniagaan dan lima lot kedai sahaja yang terletak sekitar 1,501 hingga 1,650 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Perkara ini menunjukkan bahawa sekitar tersebut tidak terdapat banyak jenis perniagaan berbanding sekitar 200 hingga 600 meter kerana faktor jarak dari kampus UPSI. Biasanya faktor jarak menyebabkan para peniaga kurang berminat untuk membuka premis perniagaan mereka sekitar 1,501 hingga 1,650 meter kerana kadar ketersampaian pelajar UPSI yang kurang dan tiada pelanggan menyebabkan peniaga akan mengalami kerugian. Oleh itu, tidak terdapat banyak jenis perniagaan dalam jarak ini. Hanya terdapat sebuah lot kedai tayar, sebuah pasaraya dan tiga lot kedai makan. Ini kerana kawasan lingkungan ini terdapat kawasan perumahan dan tidak sesuai untuk berniaga antaranya kawasan perumahan teres kos rendah, Taman Sentosa dan juga terdapat kawasan rumah awam.

Hanya terdapat sebuah pasaraya serta tiga lot kedai makan dan jika penduduk kawasan ini memerlukan apa-apa keperluan mereka terpaksa bergerak sedikit pergi ke kawasan yang berhampiran iaitu di bandar Tanjong Malim yang terletak lebih kurang satu kilometer untuk mendapatkan kehendak mereka. Jarak ini tidaklah terlalu jauh bagi mereka yang tinggal di sini untuk ke kawasan bandar Tanjong Malim, tambahan pula kebanyakan daripada mereka mempunyai kenderaan sendiri. Oleh sebab itu, terdapat satu lot kedai tayar sekitar ini dan beberapa lot kedai servis kereta motor yang berhampiran sebelum ke kawasan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.9 Perniagaan Sekitar 2,001 Hingga 2,100 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.9: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,001 Hingga 2,100 Meter Dari Kampus UPSI.


Graf 4.9 menunjukkan empat jenis perniagaan dan tujuh lot kedai sahaja yang terletak sekitar 2,001 hingga 2,100 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf di atas menunjukkan bahawa sekitar tersebut tidak terdapat banyak jenis perniagaan berbanding sekitar 200 hingga 600 meter kerana faktor jarak dari kampus UPSI. Oleh itu, tidak terdapat banyak jenis perniagaan dalam jarak tersebut, tambahan pula perniagaan di kawasan ini tidak lagi tertumpu kepada pengaruh pelajar. Ini kerana kedai-kedai di sini bukan satu keperluan yang asas bagi pelajar, malah semua barangan yang dijual di sini boleh didapati di kawasan yang lebih dekat dengan kediaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar. Di sini dapat dilihat perbezaan jarak dari kampus menunjukkan semakin berkurangnya permintaan dan jumlah premis perniagaan juga semakin kurang. Selain itu, faktor penduduk yang kurang padat dan kebanyakan kawasan adalah tanah kosong yang belum dibangunkan lagi menyebabkan kawasan ini tidak menjadi tumpuan penduduk.

4.2.10 Perniagaan Sekitar 2,400 Hingga 2,500 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.10: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,400 Hingga 2,500 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.10 menunjukkan lima jenis perniagaan dan sembilan lot kedai sahaja yang terletak sekitar 2,400 hingga 2,500 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Walaupun kawasan ini tidak mempunyai kedai runcit tetapi telah menyediakan sebuah pasaraya Billion yang merangkumi empat lot perniagaan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan terutamanya penduduk Taman Mutiara Malim dan Kota Malim Prima serta penduduk Tanjong Malim amnya. Kawasan ini adalah kawasan perumahan dan sesuai dengan adanya pasaraya yang berdekatan dan terdapat dua lot butik. Di kawasan sekitar ini juga terdapat sebuah kedai sukan yang menyediakan barangan dan keperluan untuk bersukan. Pelajar dan staf UPSI mahupun orang awam yang hendak membeli barangan sukan akan berkunjung ke sini walaupun agak jauh sedikit dari kampus kerana tidak banyak kedai yang menjual barangan sukan di bandar Tanjong Malim. Walaupun agak jauh sedikit, masih ada lagi satu lot kedai makan di kawasan ini bagi memenuhi pemintaan pelanggan yang kebiasaannya adalah penduduk setempat yang tinggal berdekatan kawasan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.11 Perniagaan Sekitar 2,501 Hingga 3,100 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.11: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 2,501 Hingga 3,100 Meter Dari Kampus UPSI.


Graf 4.11 menunjukkan empat jenis perniagaan dan enam lot kedai sahaja yang terletak sekitar 2,501 hingga 3,100 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf dapat dilihat di sini bahawa terdapat dua lot kedai runcit, dua lot kedai makan, satu lot kedai 'hardware' dan sebuah lot kedai perabot. Kedai makan dan kedai runcit di kawasan ini adalah memenuhi keperluan dan kehendak penduduk tempatan terutamanya penghuni di kawasan Kota Malim Prima dan Taman Bernam Permai. Begitu juga dengan kedai perabot dan kedai 'hardware' yang diperlukan bagi penduduk kawasan perumahan yang berdekatan kawasan ini. Kedai makan di sini memberi pilihan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka yang tidak mahu memasak di rumah atau sibuk bekerja tambahan pula dengan gaya hidup sekarang yang sentiasa sibuk dan tiada masa untuk memasak di rumah.

4.2.12 Perniagaan Sekitar 6,400 Hingga 6,500 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.12: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 6,400 Hingga 6,500 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.12 menunjukkan empat jenis perniagaan dan 15 lot kedai sahaja yang terletak sekitar 6,400 hingga 6,500 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf menunjukkan di sekitar ini terdapat lapan lot kedai makan (53.3%) dan lima lot kedai runcit (33.3%). Jumlah ini meningkat semula kerana kawasan ini terletak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berhampiran Bandar Proton yang mempunyai ramai penghuni seperti pelajar UPSI yang tinggal di kawasan rumah sewa berdekatan dan begitu juga pekerja kilang Proton yang mendiami kawasan tersebut. Oleh itu, permintaan makanan turut meningkat tambahan pula kawasan ini terletak jauh dan agak terpinggir sedikit dari pembangunan di bandar Tanjong Malim. Selain itu, penduduk di kawasan ini tidak perlu keluar dan bergerak jauh untuk mendapatkan sumber makanan dan barangan runcit. Selain itu juga, terdapat satu lot kedai motosikal dan satu lot kedai telekomunikasi. Tidak banyak jenis perniagaan di kawasan ini kerana bentuk muka bumi di sini tidak rata dan tanah yang beralun tidak sesuai untuk aktiviti perniagaan mahupun pembangunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.13 Perniagaan Sekitar 6,800 Hingga 7,000 Meter Dari Kampus UPSI



Graf 4.13: Jumlah Jenis Perniagaan Sekitar 6,800 Hingga 7,000 Meter Dari Kampus UPSI.

Graf 4.13 menunjukkan 14 jenis perniagaan dan 45 lot kedai yang terletak sekitar 6,800 hingga 7,000 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah pada tahun 2010. Berdasarkan graf menunjukkan di sekitar kawasan ini tardapat sembilan lot kedai servis kereta (20%), ini kerana kawasan ini terletak dalam Bandar Proton yang mempunyai penduduk yang agak padat selain faktor pemilikan kenderaan sendiri dan berdekatan dengan kilang Proton juga menjadikan pertumbuhan kedai servis kereta meningkat. Seterusnya, diikuti oleh kedai makan sebanyak tujuh lot (15.6%) dan seperti biasa faktor makanan adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penting kepada manusia. Jumlah ini adalah untuk memenuhi keperluan dan permintaan penduduk di kawasan Bandar Proton ini termasuk pekerja kilang Proton khususnya.

Selain itu, terdapat kafe siber dan kedai telekomunikasi dengan masing-masing enam lot (13.3%). Kedua-dua jenis perniagaan ini sesuai dijalankan di kawasan ini oleh kerana kafe siber dan kedai telekomunikasi diperlukan oleh pelajar UPSI yang tinggal di kawasan rumah sewa serta berhampiran dengan kolej kediaman UPSI. Ini penting kerana pelajar tidak perlu keluar ke bandar Tanjong Malim atau kawasan berdekatan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Tambahan pula, Bandar Proton ini agak jauh iaitu tujuh kilometer dari kampus UPSI dan ianya dipisahkan oleh faktor bentuk muka bumi iaitu kawasan berbukit, hutan dan tanah kosong yang tidak dibangunkan. Oleh itu, segala kemudahan asas terutama pelbagai jenis perniagaan diperlukan di kawasan ini bagi memenuhi keperluan dan kehendak setiap golongan yang tinggal di Bandar Proton ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, terdapat empat lot (8.9%) kedai fotostat bagi keperluan pelajar UPSI dan tiga lot (6.7%) kedai mengecat dan kimpalan bagi menyokong perniagaan servis kereta. Terdapat kedai runcit dan pasar mini dengan masing-masing dua lot kedai (4.4%). Jumlah kedai ini mencukupi bagi memenuhi permintaan penduduk oleh kerana sudah terdapat sebuah pasaraya TF Value Mart di Bandar Proton ini yang membekalkan pelbagai barangan dan keperluan harian pengguna.

Selain itu juga, terdapat kedai dobi, kedai elektronik, kedai komputer, kedai pakaian dan perabot dengan masing-masing satu lot kedai sahaja. Sebuah kedai dobi sudah mencukupi kerana ianya tidaklah satu keperluan yang penting dan kebiasaannya yang menghantar pakaian ke kedai dobi adalah mereka yang tidak mempunyai masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk membasuh pakaian sendiri disebabkan sibuk bekerja. Manakala, kedai komputer juga berfokus kepada pelajar UPSI yang tinggal di kolej kediaman iaitu Kolej Za'ba (KZ) dan Kolej Aminuddin Baki (KAB) berdekatan dan kebiasaannya pelajar lebih suka berurusan di Taman Universiti yang lebih banyak pilihan berbanding di Bandar Proton ini. Manakala, satu lot kedai pakaian dan elektronik ini memadai bagi memenuhi kehendak pengguna disebabkan sudah terdapat sebuah pasaraya yang menyediakan barangan yang sama dan lebih banyak pilihan untuk kehendak pengguna di sini. Malah pengguna di sini juga boleh bergerak ke pusat bandar Tanjong Malim untuk mendapatkan pelbagai pilihan dan kehendak yang diingini. Begitu juga dengan satu lot kedai perabot yang berfokus kepada penduduk di Bandar Proton dan pekerja di kilang Proton yang berdekatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa faktor permintaan dan penawaran daripada penuntut dan staf UPSI serta penduduk tempatan amnya mempengaruhi letakkan sesuatu jenis perniagaan. Faktor jarak, darjah ketersampaian, masa, kemudahan infrastruktur dan letakkan sesuatu jenis perniagaan dari kampus UPSI memainkan peranan penting kepada peniaga dan ini memberi kesan terhadap keuntungan setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan di bandar Tanjong Malim dan Bandar Proton yang terletak sekitar kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Perniagaan ialah aktiviti yang terus berkembang seiring dengan masa. Ia juga adalah kompleks dengan kewujudan cabang-cabang lain dalam perniagaan seperti pasaran, sumber manusia, peruncitan dan pengurusan. Cabang-cabang yang wujud ini disebabkan keperluan baru untuk memantapkan perniagaan yang lahir daripada permasalahan perniagaan yang wujud seiring dengan masa (Longley dan Clarke, 1995). Di samping itu juga, faktor persekitaran turut memainkan peranan penting di dalam menyediakan peluang-peluang perniagaan. Pengamatan dan pemerhatian tentang persekitaran akan memberi ilham kepada usahawan untuk mencipta keluaran atau perkhidmatan baru yang bertujuan memberikan kepuasan yang lebih baik kepada pengguna. Perkembangan, perubahan ekonomi dan sosial boleh menimbulkan peluang-peluang perniagaan yang baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Peranan universiti memainkan peranan penting dalam mewujudkan pelbagai jenis perniagaan di sekitarnya. Semakin dekat lot perniagaan dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah (UPSI) maka semakin tinggi kadar ketersampaian pelajar untuk mendapatkan keperluan mereka. Jarak yang dekat juga akan mempengaruhi kadar sewa lot perniagaan seperti jarak yang dekat akan mengenakan sewa lot perniagaan yang tinggi. Jarak yang dekat juga akan mempengaruhi permintaan yang tinggi.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa sekitar 200 hingga 600 meter dari kampus UPSI mempunyai jenis perniagaan yang tertinggi dan padat iaitu lot kedai pakaian dengan jumlah 34 lot (11.1%) diikuti oleh lot kedai makan sebanyak 33 lot (10.8%) daripada 305 lot keseluruhan sekitar kawasan ini. Lot kedai pakaian paling banyak terdapat di kawasan tersebut kerana ia terletak dalam kawasan bandar Tanjong Malim dan merupakan pusat tumpuan pelajar dan penduduk. Selain itu, darjah ketersampaian yang tinggi oleh kerana penyediaan pengangkutan bas oleh pihak UPSI menyebabkan kawasan tersebut menjadi tumpuan mahasiswa mahasiswi untuk membeli barangan keperluan.

Begitu juga dengan lot kedai makan banyak terdapat di kawasan tersebut kerana mendapat permintaan yang tinggi daripada pelajar UPSI dan penduduk tempatan. Jarak yang dekat dari kawasan kampus dan faktor kekangan masa oleh mahasiswa mahasiswi UPSI (sibuk dengan kuliah dan tugasan) juga menyebabkan kedai makan di kawasan tersebut menjadi pilihan. Lot kedai makan yang banyak terdapat sekitar ini kerana makanan adalah keperluan asas manusia dan permintaan untuk makanan sentiasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkat. Khususnya kawasan tersebut menjadi tempat tumpuan penduduk kerana bandar Tanjong Malim adalah pusat kegiatan sosio-ekonomi.

Jenis perniagaan sekitar 601 hingga 700 meter dari UPSI didapati mengalami perubahan yang mendadak. Ini disebabkan oleh jarak dan bentuk muka bumi yang berbukit dan tidak rata juga merupakan kawasan tanah lapang yang dipenuhi dengan belukar menyebabkan jarang kegiatan ekonomi dilakukan di dalam kawasan ini.

Jenis perniagaan sekitar 800 hingga 900 meter pula menampakkan sedikit peningkatan dengan mempunyai 11 jenis perniagaan dan 36 lot kedai. Kedai makan sekali lagi mendominasi di kawasan ini dan sama dengan lot kedai runcit iaitu masing-masing sebanyak lapan lot. Lot kedai makan dan runcit adalah yang paling banyak terdapat di kawasan terbabit kerana kawasan tersebut adalah berhampiran dengan dewan kuliah dan kawasan perumahan di Taman Bernam. Jadi, permintaan untuk mendapatkan makanan dan barangan runcit adalah tinggi oleh mahasiswa mahasiswi UPSI yang tinggal di kawasan terbabit. Begitu juga dengan sembilan jenis perniagaan dan 25 lot perniagaan yang terletak sekitar 1,350 hingga 1,500 meter dari kampus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, tiga jenis perniagaan dan lima lot perniagaan sahaja yang terletak sekitar 1,501 hingga 1,650 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Terdapat tiga lot kedai makan dan masing-masing sebuah lot kedai tayar dan pasar mini. Biasanya faktor jarak menyebabkan para peniaga kurang berminat untuk membuka premis perniagaan mereka sekitar ini kerana kadar ketersampaian pelajar UPSI yang kurang dan tiada pelanggan menyebabkan peniaga akan mengalami kerugian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat lima jenis perniagaan dan sembilan lot sahaja yang terletak sekitar 2,400 hingga 2,500 meter dari kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Merujuk kepada kemudahan pasaraya yang tersedia, pelajar-pelajar dan staf-staf UPSI mahupun penduduk yang tinggal di kawasan tersebut lebih cenderung serta senang untuk mendapatkan apa sahaja barangan keperluan yang dikehendaki tanpa mengunjungi pasaraya lain yang berada dalam jarak yang lebih jauh dari kediaman mereka.

Manakala jarak yang semakin jauh menunjukkan taburan perniagaan juga tidak sekata, malah jenis perniagaan yang kurang penting sahaja berada di kawasan tersebut. Dapat diperhatikan bahawa perniagaan yang penting serta yang mengikut keperluan dan kehendak pengguna sahaja banyak didapati terutama di kawasan tumpuan manusia seperti bandar Tanjong Malim dan juga Bandar Proton. Contohnya, dalam jarak 6,700 hingga 7,000 meter telah menampakkan semula kemunculan pelbagai kegiatan perniagaan di kawasan tersebut kerana adanya kolej kediaman pelajar UPSI dan disokong oleh faktor kilang Proton yang terletak berhampiran.

5.2 KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN KEPADA PENIAGA

5.2.1 Penyediaan Kemudahan Latihan dan Teknikal

Bagi membantu bakal peniaga yang ingin menceburi dalam bidang perniagaan, kemudahan latihan dan teknikal diperlukan. Pembangunan sumber manusia yang mencukupi seperti pekerja terlatih, jurutera, pekerja pengurusan dan pekerja separuh mahir amat disedari oleh semua pihak. Dalam hubungan ini, pelbagai bentuk kemudahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

latihan dan teknikal disediakan bagi pekerja dan usahawan dalam perniagaan. Secara umumnya terdapat dua kategori kemudahan latihan dan teknikal iaitu pembangunan usahawan dan latihan pengurusan perniagaan dan latihan kemahiran teknikal khususnya di kalangan pekerja. Program pembangunan usahawan dan pengurusan perniagaan disediakan oleh beberapa agensi utama terutamanya oleh Perbadanan Daya Produktiviti Negara (NPC) dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC). Agensi-agensi lain termasuklah SMIDEC, MARA, beberapa bank pembangunan dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri (Moha Asri, 2000).

Sementara itu, latihan teknikal dan kemahiran pekerja boleh didapati melalui kursus-kursus jangka pendek dikendalikan oleh beberapa agensi utama seperti SMIDEC, Institut Piawai dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Pusat Instruktor dan Latihan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Institut-institut Latihan Perindustrian (ILP) (Moha Asri, 2000).

5.2.2 Khidmat Nasihat dan Perundingan

Program bantuan kerajaan dalam kategori khidmat nasihat dan perundingan berfokuskan kepada dua aspek penting iaitu khidmat nasihat pengurusan dan peningkatan kawalan kualiti dan perkembangan reka bentuk. Institusi-institusi utama yang menganjurkan aspek-aspek tersebut termasuklah NPC, SMIDEC, institusi kewangan, SIRIM, MARDI, MEDEC dan lain-lain. Perkhidmatan perundingan pengurusan yang selalunya disediakan berkaitan dengan penyediaan latihan dan kredit. Perkhidmatan ini melibatkan banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek termasuklah perancangan perniagaan, penubuhan sistem perakaunan, keperluan menyediakan kenyataan pendapatan, perbelanjaan dan simpanan tunai, analisis kos pengeluaran serta pengawasan terhadap pembayaran balik pinjaman (Moha Asri, 2000).

Dalam kebanyakan kes, pegawai institusi membuat lawatan ke lokasi perniagaan bagi menyelia pinjaman yang diberikan dan menyediakan khidmat nasihat sebagai sebahagian daripada penyeliaan kredit dan proses pengawasan. Sementara itu, khidmat reka bentuk produk dan sistem kawalan mutu ditawarkan oleh beberapa agensi. SIRIM merupakan antara agensi utama yang menawarkan khidmat tersebut. Fungsi utamanya termasuklah meningkatkan kualiti melalui status piawai bimbingan teknikal, pengeluaran dan pengesahan. MARDI dan FRIM juga masing-masing memainkan peranan penting dalam menyediakan bimbingan pelbagai bidang penghasilan produk makanan (Moha Asri, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Pemasaran dan Penyelidikan Pasaran

Masalah pemasaran merupakan salah satu kelemahan utama yang dihadapi oleh kebanyakan perniagaan kecil. Di Malaysia, terdapat beberapa agensi yang menyediakan bantuan pemasaran khususnya di peringkat pengurusan asas pemasaran. Ini termasuklah MEDEC, NPC, Bank Pembangunan, SMIDEC, MARA, FAMA dan lain-lain. Pelbagai jenis kursus berbentuk jangka pendek disediakan termasuklah bidang-bidang pemasaran, promosi jualan, pengeksportan, reka bentuk produk, pembungkusan dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agensi-agensi berkenaan juga menyediakan alat bantu pembelajaran kendiri seperti video, kaset dan bahan-bahan panduan serta bacaan berkaitan dengan pemasaran barangan. Bahan-bahan ini juga dilengkapi dengan contoh-contoh, ilustrasi, kes-kes kajian dan sebagainya bertujuan memberi pendedahan yang lebih meluas kepada pihak pengurusan perniagaan kecil. Di bawah pemasaran juga pihak SMIDEC menyediakan pelbagai konsep perniagaan lagi seperti skim pemasaran, konsep payung, skim vendor, skim pertukaran subkontrak dan sebagainya bagi meningkatkan pasaran barangan keluaran perniagaan kecil (Moha Asri, 2000).

5.3 CADANGAN DI MASA AKAN DATANG

5.3.1 Penyediaan Tempat Perniagaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan seharusnya menyediakan tempat perniagaan kepada peniaga bagi menstruktur semula agihan pelbagai jenis perniagaan yang terdapat di bandar Tanjong Malim. Langkah ini penting agar tidak berlaku lambakan perniagaan di kawasan ini dengan premis-premis perniagaan yang tidak menguntungkan. Tambahan pula, dengan pembukaan kampus baru UPSI di Bandar Proton akan mengubah corak sosio-ekonomi penduduk di Tanjong Malim dan juga taburan perniagaan juga akan mengalami perubahan yang ketara. Kemungkinan besar perniagaan di bandar Tanjong Malim akan semakin lembap dan kurang maju. Oleh itu, langkah bagi mengimbangi kegiatan ekonomi di bandar Tanjong Malim dan Bandar Proton adalah penting bagi memenuhi permintaan dan kehendak pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Penyediaan Kemudahan Infrastruktur

Kos sewa tapak, bangunan dan tanah yang tinggi semakin disedari sebagai salah satu masalah penting kepada kebanyakan perniagaan di bandar Tanjong Malim dan Bandar Proton. Menyedari hakikat ini, terdapat beberapa agensi yang menyediakan beberapa kemudahan infrastruktur. Di kawasan-kawasan tersebut kebiasaannya disediakan kemudahan asas seperti elektrik, air, jalan raya, telekomunikasi, dan lokasi yang strategik seperti jarak dengan kampus dan tempat tinggal. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Di samping itu, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) juga bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan infrastruktur kepada perniagaan kecil khususnya di kawasan bandar pada kadar harga yang lebih mampu ditanggung oleh mereka. Sementara itu, MARA juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan ruang niaga kompleks membeli-belah, pejabat, rumah kedai, bazar dan sebagainya khususnya kepada perniagaan kecil bumiputera. Ini sebagai satu langkah membantu golongan bumiputera menceburkan diri dalam bidang perniagaan (Moha Asri, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, universiti amat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan pelbagai jenis perniagaan. Jenis perniagaan yang dibangunkan juga amat berkait dengan permintaan yang tinggi dari pelajar UPSI. Di sini, mendapati bahawa lot kedai makan merupakan jenis perniagaan yang tertinggi di sekitar kampus UPSI. Ini disebabkan faktor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang tidak mempunyai masa untuk memasak dan juga pelajar yang tinggal di kolej tidak dibenarkan memasak. Oleh itu, terdapat pelbagai pilihan kedai makan di sekitar Tanjong Malim yang dapat memenuhi cita rasa dan selera terutama kepada pelajar UPSI. Sekiranya UPSI tidak wujud, maka tidak akan timbul pelbagai jenis perniagaan di kawasan sekitarnya untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan. Kehadiran pelajar yang menuntut di UPSI telah menjana perkembangan ekonomi kepada perniagaan dan penduduk di kawasan Tanjong Malim. Sekiranya penubuhan kampus UPSI yang bakal dibina dan siap dilaksanakan di Bandar Proton akan mempengaruhi pertumbuhan dan taburan perniagaan serta mengubah corak perniagaan di bandar Tanjong Malim. Oleh itu, cadangan untuk kajian akan datang diharap meneliti impak jenis perniagaan yang wujud di sekitar kampus baru dan juga disekitar UPSI yang didiami sekarang. Dengan kewujudan kampus baru adakah kawasan UPSI yang didiami sekarang mengalami dampak yang besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Abdul Samad Hadi (1989). *Mobility Penduduk.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alexander, I. C. (1974). *The City Centre: Pattern and Problem.* Australia: University of Western Australia Press.

Aronof (1989). *Geographic Information System: A Management Prespective.* WDL Ottawa Canada.

Barjo Yai Bandai dan Mohd. Fairuz Md. Salleh (1998). *Peluang Perniagaan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Bellet, J. (1969). *Singapores Central Area Retail Pattern In Transistion.* National of Tropical Geography.

Berman, Barry dan Evans, Joel R. (1992). *Retail Management: A Strategic Approach* – Fifth Edition. New York: Mac Millan Publishing Company.

Berry, B. J. L. (1967). *Ribbon Development In The Urban Business Pattern.* Annals Association of American Geographers.

Bhasah Abu Bakar (2009). *Asas Pengukuran Bilik Darjah.* Tanjong Malim: Quantum Books.

Bolen, H. William (1998). *Comtemporary Retailing.* New Jersey: Prentice Hall International, Inc.

Burstiner, Irving (1986). *Basic Retailing.* Illinois: Irwin.

Daniel M. Hausman (2008). *Market Failure, Government Failure, and The Hard Problems of Cooperation.* Diperolehi pada 12 Februari 2010 daripada: https://papyrus.bib.umontreal.ca/jspui/bitstream/1866/3421/1/2008v6n1_HAUSMAN.pdf

Daries dan Ross, L. (1984). *Retail and Commercial Planning.* London: Croom Helm.

David dan Walters (1987). *Retail Marketing Management.* London: Mc Millan.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2000). *Kamus Dewan Edisi Ketiga.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dueker (1979). Diperolehi pada 2 Mac 2010 daripada: http://geic.hq.unu.edu/env/files/Heritage%20GIS%20Presentation%2028-04-05.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Duncan, D. J. & Plilips, C. F. (1963). *Retailing: Principle and Metod.* National of Tropical Geography.

Gaither, Norman (1994). *Production and Operations Management* – 6th Edition. Texas: Harcourt Brave College Publisher.

Ghosh, Avijit (1994). *Retail Management* – Second Edition. Florida: The Dryden Press.

Hasty, Ron dan Reardon, James (1997). *Retail Managament.* Texas: The McGraw-Hill Companies. Inc.

Jaafar Muhamad (2003). *Asas Pengurusan Perniagaan.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Jacek Malczewski (1999). *GIS and Multicriteria Design Analysis*. United States: America.

John R. Mullin dan Zenia Kotval. (2004). *The University as a Contributor To The Local Economy: Key Thoughts for Local Planners.* Diperoleh pada 20 februari 2010 daripada: http://scholarworks.umass.edu

Jones Gareth R. (2007). *Introduction To Business: How Companies Create Value for People*. United States: McGraw-Hill Irwin.

Lois Labrianidis (1995). *Estabilishing Universities as a Policy for Local Economic Development: An Assessment of the Direct Economic Impact of Three Provincial Greek Universities".* Diperolehi pada 16 Februari 2010 daripada: http://afroditi.uom.gr/rdpru/sites/default/files/Upload_Material/9_Perifereiaka_Panepistimia/Establishing%20universities%20as%20a%20policy%20for%20local%20economic%20development.pdf

Mahindar Santokh Singh (1991). *Dunia Serba Mungkin: Sejarah Idea Geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malek Mistam (1995). *Pengurusan Peruncitan.* Kota Bharu: Al-Khafilah Enterprise.

Mc Intyre, W. E. (1955). *The Retail Pattern of Manila.* National of Environmental Education.

Moha Asri Hj. Abdullah, Juhary Ali dan Faoziah Idris (2000). *Pengurusan Perniagaan Kecil*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Faris Dziauddin dan Ruslan Rainis (2003). *Sistem Maklumat Geografi; Pemodelan Pembangunan Guna Tanah Komersil.* Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Faris Dziauddin dan Ruslan Rainis (2003). *Pengenalan Kepada Kartografi*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Mohd Said Othman (2004). *Peruncitan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Narimah Samat, Tarmiji Masron (2008). *Sistem Maklumat Geografi, Dalam Analisis Guna Tanah.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Nasir Nayan (2006). *Sistem Maklumat Geografi Dalam Perancangan Pembuatan Keputusan Perniagaan.* Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nasir Nayan (2007). *Persekitaran Sistem Maklumat Geografi.* Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Hayati Abdul Rahman, Fairus Muhamad Darus, Ahmad Zia Ul-Saufi Mohamad Japeri, Melinda @ Siti Asmah Yunos dan Roziah Mohd Noor (2008). *Impak Ekonomi Perbelanjaan Pelajar Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang Di Kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.* Diperolehi pada 11 Februari 2010 daripada: http://myais.fsktm.um.edu.my/3515/1/Impak_Ekonomi_Perbelanjaan_Pelajar_Universiti_Teknolog_MARA_Pulau_Pinang_fairus.pdf

Osman Md. Zain (1988). *Perniagaan Runcit.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Proundfoot, M. T. (1959). *City Retail Structure.* Economic Geography.

Ruslan Rainis dan Noresah Mohd Shariff (1998). *Pengenalan Kepada Sistem Maklumat Geografi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ruslan Rainis dan Syed Nasirin (1998). *Bussiness Geographics '98 Seminar*. Dikendalikan oleh Unit Geoinfomatik, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang: Tidak diterbitkan.

Sabri Hj. Hussin (2005). *Pengurusan Perniagaan.* Pantai Dalam: Universiti Malaya.

_____ *Sejarah Tanjong Malim*. Diperolehi pada 15 Februari 2010 daripada: http://www.mdtm.gov.my

_____ *Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Diperolehi pada 15 Februari 2010 daripada: http://www.upsi.edu.my

Yeung, Y. M. (1977). *Hawkers and Vendors: Dualism in Southeast Asia.* National of Tropical Geography.

Zainal Abidin Mohd. Said (1989). *Struktur Perniagaan Runcit Di Semenanjung Malaysia.* Kuala Lumpur: Arena Buku Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zarif, Mohd Makhbul, Mohd Rizal Palil dan Ahmad Khairil (2003). *Mengurus Perniagaan*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

NAME: Nearest Features
Aka: nearfeat.avx
Last modified: February 15, 2007

TITLE: Nearest Features, with Distances and Bearings (v. 3.8b)

TOPICS: ArcView 3.x, Nearest Feature, Distance, Bearing, Azimuth, View, Analysis, Tools, Centroid, Closest Edge, Search Radius, Length

AUTHOR: Jeff Jenness
Wildlife Biologist, GIS Analyst
Jenness Enterprises
Flagstaff, AZ 86004
jeffj@jennessent.com

DESCRIPTION: This extension creates a new button on the VIEW toolbar which enables you to identify which comparison features are nearest to some set of input features you are interested in. Begin by selecting an Input theme containing the features of interest, then either a single or multiple comparison themes containing features you want to compare. The extension then steps through each feature in the input theme and finds which feature, out of all the comparison themes, is closest to it. The extension then creates a results table (described below) containing various user-selected fields such as distance and bearing between features. Optionally, you can request lines to be drawn connecting each input feature with that closest comparison feature and save these lines as a Polyline shapefile.

Multiple Levels of Nearness: This extension allows you to calculate the 1st, 2nd, ... nth closest comparison features to each input feature. Distance, bearing, and graphic lines can be calculated for each level of nearness as well.

Centroids vs. Closest Edges: If desired, this extension can calculate the distance and bearing between the centroids of the closest features as well as the distance and bearing between the closest edges of those features. For example, if a point theme and a polygon theme are used in the analysis, then this extension will determine what point on the edge of the closest polygon (not necessarily a vertex) is closest to the input point. If the features intersect or if one lies within the other, then you have the option to either set the distances to zero or not, thereby allowing you to calculate the closest distances to the edge from features enclosed by other features. You can request that graphics be drawn connecting the centroids and/or the closest edges of the closest features and you have the option to save these connecting lines into a separate Polyline shapefile.

Closest Features Within a Single Theme: You can select a single theme to act as both the input theme AND comparison theme, in which case this extension will measure the

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

distances from each feature in that theme to all the other features in that theme. It will NOT measure the distance to itself, so you will not get a bunch of zero distances.

All or only selected records: You can either use all the features in each of the themes for the analysis or only a selected subset of features. If any features in a particular theme (input or comparison themes) are selected, then only those selected features in that theme will be used in the analysis. If no features in a theme are selected, then all features in that theme will be used in the analysis.

Great Circle Distances: Offers the option to calculate distances and bearings based on geodesic curves reaching over the surface of the planet. This option is offered only if both input and comparison themes are point themes.

Projected vs. Unprojected Views: If your original data are in Lat/Long coordinates (the Geographic Projection) and your View has been projected, then you have the option of calculating RESULTS data based on either the Geographic Projection or your View Projection. The choice of projections can affect which features are considered nearest, as well as affecting distances, bearings and coordinates.

OUTPUT:
Results Table: Upon completion, you will have a results table containing some or all of the following fields. These fields are chosen by you and the field will not be calculated if you do not want it. The symbol "#" in the following description refers to the nearness of that comparison feature. For example, if you want to identify only the ID of the five nearest features, then the Results table will have six fields, labeled [input ID], [1_ID], [2_ID], [3_ID], [4_ID], and [5_ID]. Optionally, you can request the Results table to be joined with the input DBF file. The field names will all begin with the letter "n" so that the table can be easily exported into other software.
1) ID: Input theme ID, taken from the Input theme DBF file. Each Input feature is identified in the result table allowing it to be linked back to the original Input theme shapefile. The name of this field is the name of the selected Input ID field.

2) n#_Theme: Comparison theme name containing the nearest feature to each Input feature. Remember that the user can select multiple comparison themes.
3) n#_ ID: Comparison theme ID, taken from the respective comparison themes.
4) n#_CenX: The X-coordinate of the centroid of the nearest comparison feature.
5) n#_CenY: The Y-coordinate of the centroid of the nearest comparison feature.
6) n#_CDis: The distance in map units between the centroids of the input feature and the nearest comparison feature.
7) n#_C_Az: The azimuth (or bearing) in degrees between the centroids of the input feature and the nearest comparison feature.
8) n#_EdgX: The X-coordinate of the closest edge of the nearest comparison feature.
9) n#_EdgY: The Y-coordinate of the closest edge of the nearest comparison feature.
10) n#_EDis: The distance in map units between the nearest edges between the input feature and the nearest comparison feature.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11) n#_E_Az: The azimuth (or bearing) in degrees between the nearest edges between the input feature and the nearest comparison feature.

Polyline Shapefile: If you choose to save your connection lines as a polyline shapefile, then each connection line will be saved as a separate polyline. The shapefile will include only those connection lines that you specify in the "Additional Options" dialog box. This shapefile will be added to your view as a new. The Feature Attribute Table for the shapefile will contain the following fields:

1) ID: Input theme ID, taken from the Input theme DBF file. Each Input feature is identified in the result table allowing it to be linked back to the original Input theme shapefile. The name of this field is the name of the selected Input ID field.
2) Unique_ID: A unique numeric ID value for each polyline in the shapefile.
3) near_level: The nearness level of the comparison feature. For example, if this was the second closest feature to the input feature, this field would have the value "2".
4) cent_edge: Specifies whether this connection line connects the Centroids or the Nearest Edges of the respective features. All values in this field will be either "Centroids" or "Edges".
5) comp_theme: (Only if requested) The theme name of the Comparison Theme that this particular comparison feature came from. Remember that there can be multiple comparison themes in a single analysis.
6) comp_ID: Comparison theme ID, taken from the specified comparison theme ID Field.
7) distance: The length of the connection line.
8) bearing: The compass bearing from the Input feature to the Comparison feature. This bearing is calculated from the X-Y coordinate system of the actual data.
9) start_X: The X-coordinate of the starting point of the connection line.
10) start_Y: The Y-coordinate of the starting point of the connection line.
11) end_X: The X-coordinate of the end point of the connection line.
12) end_Y: The Y-coordinate of the end point of the connection line.

REQUIRES: This extension requires a minimum of one feature theme (Point, Line or Polygon theme) present in a view if the user wants to find which features within a single theme are closest to each other. Otherwise, a minimum of two feature themes are needed; one to act as the 'Input' theme and at least one 'Comparison' theme.

This extension also requires that the file "avdlog.dll" be present in the ArcView/BIN32 directory (or $AVBIN/avdlog.dll) and that the Dialog Designer extension be available in the ArcView/ext32 directory, which they almost certainly are if you're running AV3.1 or higher. You don't have to load the Dialog Designer; it only has to be available.

REVISIONS: 3.7a: May 17, 2004: Repaired a bug that caused inaccurate distance/bearing values when the view was projected. Input features were treated as unprojected while Comparison features were treated as projected.

3.8: August 31, 2004. Added the option to calculate distances and bearings based on geodesic curves over the surface of the spheroid, IF both input and comparison themes are point themes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8a: December 3, 2004: Repaired a bug that occurred when you set a maximum search distance, producing a message box stating something like "XXX records selected (12345)" and occasionally causing the extension to crash.

3.8b: February 15, 2007: Minor update; adds a function to check for errors in scripts in case of crash.

GENERAL INSTRUCTIONS:

1: Begin by placing the "nearfeat.avx" file into the ArcView extensions directory (../../Av_gis30/Arcview/ext32/).

2: After starting ArcView, load the extension by clicking on File à Extensions… , scrolling down through the list of available extensions, and then clicking on the checkbox next to the extension called "Nearest Features v. 3.8a."

3: More detailed instructions and explanations are in "Nearest Features.pdf", which is in Adobe PDF format., or on-line at:

<http://www.jennessent.com/arcview/nearest_features.htm>

For more ArcView Extensions and other software by the author, please visit the author's software download page at:

<http://www.jennessent.com/arcview/arcview_extensions.htm>

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B





Gambar Foto: Pasaraya Grand Union dan Pasaraya Grand Buy di Bandar Tanjong Malim





Gambar Foto: Kedai Kasut Bata dan Kedai Telekomunikasi di Bandar Tanjong Malim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi